



قلنتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 28 BILANGAN 8

RABU 23HB FEBRUARI, 1983.

1403 رابو 10 جمادالاول

PERCUMA

Pertandingan Nasyid diatur Sempena Israk Mekraj

AR SERI BEGA-
— Sempena sam-
Israk Mekraj pada
ini, yang bertema
AKWAH KEWA-
UMMAH' yang
acara kemuncaknya
ilangsungkan pada
Mei 1983 depan,
pa peraduan telah
oleh Bahagian
h dan Tabliq,
n Hal Ehwal
, di antaranya per-
gan nasyid.
duan ini terbuka
semua persatuan-
uan belia dan
badan kebajikan
berdaftar atau
badan penuntut
h menengah atas ter-
klah penuntut-
ntut. Maktab
uruan, kumpulan-
ulan kelas dewasa Al-
n dan zikir.

alah difahamkan per-
ngan ini akan di-
kan dalam tiga per-
u, iaitu peringkat
ah bagi memilih
-wakil keperingkat
uh akhir, peringkat
ruh akhir bagi
ilih wakil-wakil keper-
ut akhir dan peringkat
bagi memilih johan
andingan nasyid
geri bagi tahun
1983.

tiap daerah akan
hantar dua pasukan
dan dua pasukan
ta ke peringkat

nisnya Iman

anlah dari kalangan
orang yang tidak
hormati orang tua
dan tidak menaruh
kasihan ke atas
kanak-kanak kita serta
mengenal hak orang
yang berilmu." —
Nabi riwayat Abu
izir daripada Ibnu
n dan Abu Yu'la
ada Anas.

separuh akhir, kecuali
Daerah Brunei/Muara
yang dibolehkan
menghantar lima pasukan
lelaki dan lima pasukan
wanita. Ini menjadikan
pertandingan di peringkat
separuh akhir sebanyak
dua puluh dua pasukan.

Dari jumlah tersebut
hanya sepuluh buah
pasukan sahaja yang akan
dipilih ke peringkat akhir
iaitu lima pasukan lelaki
dan lima pasukan wanita.

Nasyid yang akan
dipersembahkan adalah
bebas, tetapi hendaklah
bercorak dakwah dan
keagamaan dan hendaklah

(Lihat muka 24)



YANG Amat Mulia Tengku Muda Pahang Tengku Abdul Rahman pada hari Sabtu yang baru lalu telah berangkat tiba di negeri ini beserta rombongan untuk menyertai Perlawanan Polo Antarabangsa ke enam dalam bahagian High Goal yang dianjurkan oleh Persatuan Polo Diraja Brunei yang akan berlangsung kira-kira tujuh hari. Kejohanan perlawanan itu akan berlangsung di Padang

Polo Jerudong dengan enam pasukan dari dalam negeri dan luar negeri akan menyertainya. Gambar menunjukkan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkihah mengalu-alukan ketibaan Yang Amat Mulia itu di Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas. (berita lanjut lihat muka 3).

Pencapaian Kemerdekaan:

PIKUL TANGGUNGJAWAB BERDASAR KEPERLUAN DAN KESESUAIAN

SERIA. — Tanda-tanya mengenai kedudukan Kemerdekaan di kalangan orang ramai pada masa ini sepatutnya tidak melarat-larat sampai menyangkakan perubahan-perubahan yang radikal akan dilakukan atau patut dilakukan.

Perkara ini telah ditegaskan oleh Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, dalam majlis perjumpaan penerangan yang diadakan di Kelab Melayu Shell di

sini pada hari Ahad, 20hb. Februari lalu.

Tetapi, menurutnya, kita sedia maklum bahawa Kemerdekaan yang akan dicapai setentunya memberi tanggungjawab yang lebih dan berat kepada kita semua.

Terhadap tanggungjawab-tanggungjawab yang sedemikian itu tentulah kita akan menentukan cara memikulnya berdasarkan keperluan yang sebenar dan sesuai dengan iklim negeri ini," katanya.

Awang Haji Badaruddin sebelumnya telah bercakap mengenai kedudukan Brunei menjelang Kemerdekaan. Katanya, menjelang Kemerdekaan itu kita sudah sedia mempunyai Kerajaan yang berfungsi dan sangat berkesan.

Perlembagaan Tahun 1959, tambahnya memperuntukkan bahawa kuasa memerintah yang tertinggi bagi Negeri Brunei adalah terletak dalam tangan Sultan.

Perlembagaan juga menurutnya memperuntukkan mengenai lantikan pegawai-pegawai utama oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi menjalankan kuasa memerintah dengan nama dan bagi pihak Baginda.

"Ini bermakna kuasa dan tanggungjawab memerintah sudahpun berada dalam tangan Brunei, bukan dalam tangan Great Britain," tegas Pengarah Penerangan.

ISU PENTING

Selain daripada itu menurut Awang Haji Badaruddin, kita di Brunei sudah menyelesaikan beberapa isu penting kenegaraan kita. Di samping menetapkan mengenai kuasa memerintah, Perlembagaan Tahun 1959 juga telah merumuskan mengenai Agama Rasmi dan Bahasa Rasmi. Sementara isu kerakyatan telah pula

(Lihat muka 24)



Pelita Brunei

23HB, MAC, 1983.

Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang

Membisaikan bandar :

**“INDAH UNTUK KITA
BERSAMA”**

Membisaikan kawasan bandar dengan bunga dan pohon-pohon rendah nampaknya sudah diterima sebagai perkara yang mustahak. Sungguh pun langkah itu seperti bermula dengan sempena sambutan kemerdekaan, tapi ia dipercayai akan diteruskan menjadi sebahagian usaha menentukan supaya bandar kita di masa-masa

Berikut ialah ucapan perasmian Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim ketika membuka rasmi Bengkel Penulisan Kreatif anjuran DBP baru-baru ini.

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah menjemput saya hadir bersama-sama dalam Perasmian Bengkel Penulisan Kreatif pada tengahari ini dan saya merasa mendapat tuah yang baik lagi tinggi kerana telah diberi penghemtanan untuk merasmikannya.

Saya difahamkan bengkel ini dirancang untuk diadakan di daerah-daerah di seluruh negeri dalam masa yang lama. Saya percaya cara ini akan dapat memberi faedah kepada penulis-penulis yang berkeinginan untuk menambah pengetahuan mereka dengan tidak bersusah payah ke Bandar Seri Begawan sebagaimana biasanya. Saya harap juga dengan cara yang begini akan ramai para penulis yang ikut serta dan mengambil kesempatan dari usaha-usaha Dewan Bahasa dan Pustaka yang baik ini, dengan demikian akan mendatangkan hasil yang boleh membuka jalan luas bagi kemajuan penulisan kreatif di Brunei.

Pada masa ini usaha-usaha melatih para penulis memang banyak diadakan di Brunei, dan usaha Dewan Bahasa dan Pustaka pada kali ini bukanlah yang pertama-tamanya - sebelum ini pun pertumbuhan badan-badan sastera, sekolah-sekolah telah banyak berbuat demikian; kita tidak tahu dan belum ada kita ketahui adakah sesuatu hasil telah dicapai dari latihan-latihan itu. Kita tidak pernah menerima apa-apa kesan balas atau apa yang dikatakan dalam istilah komputer sekarang "feed-back". Saya harap Dewan Bahasa dan Pustaka pada hari ini dapat mengambil langkah yang sesuai supaya setelah Bengkel ini diadakan, dan setelah siji-sijil dan latihan-latihan selesai - janganlah hanya siji-sijil Dewan Bahasa dan Pustaka itu tinggal tergantung-gantung di dinding dengan angan-angan dan harapan-harapan yang meluap serta kebanggaan, sedangkan hasilnya juga tergantung-gantung dan terkuldi di dinding-dinding itu. Kerana ini bererti tidak ada faedah DBP berbuat demikian

akan datang bukan saja akan kelihatan cantik bahkan segar dan menyenangkan.

Kerja gotong-royong menanam bunga dan pohon-pohon rendang yang dibuat pada hari Ahad lalu oleh beratus-ratus sukarelawan, setentunya membawa erti bahawa orang ramai dan pihak-pihak berkenaan Kerajaan sependapat akan keperluan membaiki kawasan bandar. Gotong-royong itu sangat tepat dengan waktunya dalam mengumandangkan kata-kata "Bandar Indah Untuk Kita Bersama" yang dijadikan cogan kata kempen membaiki bandar dilancarkan.

Lama sebelum kempen tersebut, bunga-bunga dan pohon-pohon rendang sudah pun ditanam dalam kawasan-kawasan bandar. Kebanyakannya sudah kelihatan subur dan menyedapkan pandangan. Dalam pada itu di setengah-setengah kawasan yang biasa menjadi

tumpuan orang ramai, pokok-pokok yang ditanam itu kelihatan 'gayal' kalau pun tidak 'rempeh'.

Menurut yang dapat diperhatikan, keadaan itu adalah akibat ketiadaan penghargaan segelintir orang bahkan ada yang seperti tidak menghiraukan wujudnya pohon-pohon dan bunga-bunga yang ditanam itu. Mujurlah baru-baru ini langkan memelihara dengan tegas telah diambil oleh pihak yang berke-
naan.

Kedudukan bahwa setengah-setengah orang belum dapat menghargakan keindahan dengan tumbuhan-tumbuhan yang ditanam itu menjadikan kempen menyedarkan perlu dibuat. Kempen tersebut haruslah berterusan dan disokong dengan langkah-langkah mencontohkan keindahan yang patut menjadi perhatian dan ikutan orang ramai. Selain mass media dijadikan saluran penting mencontohkan

kadar dan had keindahan maka adalah penting pula untuk had-had keindahan sebagai dapat diperlihatkan di semua kawasan.

Perkara mencontohkan had had kadar keindahan yang diperlukan itu adalah sangat mustahak. Selain kerana ukur indah itu perkara yang nisbi maka pada peringkat perancangan terutamanya, perhatian hendaklah diberi sekira-kira maksud-maksud keindahan yang diperlukan itu bukan sahaja difahami tetapi juga dibuat dan diikuti.

Keperluan mencontohkan dapat dibuktikan manakala pohon-pohon dan bunga-bunga yang ditanam dan sudah tumbuh subur sedang dalam masa yang sama langkah menjadikannya indah dan mengindahkan seperti dirosakkan pula oleh rumput-rampai yang sama subur di sekitarnya atau juga tumpukan tanah dan batu-batu yang terbiar di sekitarnya.

Perasmian Bengkel Penulisan Kreatif

JANGANLAH SIJIL-SIJIL DBP TINGGAL TERGANTUNG

bahkan ibarat kata orang kita "ngalih saja". Saya rasa perkara ini penting saya suarakan di sini dengan sebab-sebab yang saya terangkan dalam ucapan ini.

TUJUAN

Tujuan-tujuan DBP, dan malahan tujuan kerajaan yang mana DBP adalah salah sebuah ejensinya, mengadakan bengkel ini tentulah setelah mengkaji beberapa kesan-kesan yang diperadapinya dari pengalaman berhadapan dengan penulis-penulis di masa lalu - DBP telah beberapa kali mengadakan peraduan-peraduan dengan hadiah-hadiah yang banyak dan lumayan. Saya sendiri telah diberi tugas berat menjadi Penal Hakim dalam beberapa peraduan itu. Penal-penal Hakim telah banyak membuat ulasan-ulasan serta saranan-saranan kepada penulis. Saya fikir langkah DBP mengadakan bengkel ini adalah inisiatif yang bersifat "maju ke hadapan" bagi memanggil penulis-penulis yang terlibat dan membantu mereka dalam mengenali kelemahan dan menunjukkan jalan serta cara-cara memperbaiki kelemahan itu. Kerana adalah satu perkara yang telah disepakati baik dari dalam dan luar negeri, penulis-penulis baru di Brunei yang menulis dalam antara 10 tahun hingga sekarang masih belum berkemampuan secara berkesan menyumbangkan daya kreatif penulis-penulis lama sebelum mereka.

Kalaulah sekiranya usaha DBP yang sungguh-sungguh ini hanya disambut dengan tujuan yang remeh-temeh - hanya dengan tujuan untuk "cuba", hanya dengan tujuan "barangkali boleh juga jadi penulis" atau semata-mata "sentimental" maka saya rasa benarlah istilah "ngalih saja - in da jua mengngalih-ngalih".

Saya rasa salah satu sebab mengapa perkara ini berlaku ialah banyak penulis pada masa ini tidak bersungguh-sungguh mereka menulis hanya untuk bersuka-suka - atau sebagai hobi sambilutan terutama apabila DBP

akan mengadakan peradu-an-peradu-an, maka barulah timbul rajin - akibatnya hasil-hasil karya mereka itu bukan saja tidak ber-mutu malahan menampilkan karektistik yang menonjol ten-tang ketidaksungguhan itu. Seorang penulis yang hanya dapat menulis sebuah sajak dalam satu bulan tiba-tiba telah menghasilkan 10 sajak dalam satu minggu pada masa peradu-an sedang dibuka!

Hal ini nampaknya satu penyakit umum di Brunei dalam banyak bidang - bukan bidang sastra saja - saya dapati ia ujud dalam bidang sokan dan olahraga, dalam peraduan-peraduan membaca Al-Qur'an di mana banyak orang tergesa-gesa dan tidak sungguh-sungguh -sekadar untuk tiba musim dan habis musim - geraf kemajuan menampilkan barisan gunung-gunung yang berluat bertinggi-tiada berkeputusan. Ada satu dan serukan, kita mesti ada fikiran "point of no return" "noktah perubahan" meningkatkan geraf itu dari bawah ke atas - saya rasa inilah yang patut dicuba oleh bengkeli ini - menanamkan rasa tanggungjawab dan kesungguhan untuk menjadi penulis yang baik dan maju - bernilai dan dapat membantu masyarakat dengan buah fikiran membangun keperibadian Brunei yang sempurna sebagaimana yang kita idam-idamkan.

Dalam hubungan ini saya ingin menjelaskan beberapa hal yang sejak lama menjadi perhatian saya berkenaan sastera dan penulis-penulis kita di Brunei.

Kita telah maklumi sastera mempunyai dua unsur iaitu isi yang menampakkan bahan fikiran yang diolah dan keduanya bentuk yang merupakan cara dan gaya pembentukan fikiran. Tentu telah kita jumpai sifat-sifat negatif dan positif dalam satu-satu karya sastera samada yang cukup dan dengan demikian karya itu beriya sebagai hasil

yang baik dan berkesan ataupun yang tidak seimbang antara keduanya menyebabkan karya itu tidak berjaya.

KONVENSYENAL

Saya telah pernah menghadiri perjumpaan-perjumpaan sastera di Brunei dan saya sering menyarankan supaya pembentukan fikiran - unity - dalam sastera ini mesti diperhatikan. Dalam puisi - hal ini malah telah dipersyaratkan menjadi salah satu kesempurnaan karya. Apa yang saya perhatikan ialah sebahagian penulis oleh kerana baru mendengar istilah-istilah ilmiah sastera seperti ini telah menolak dengan alasan, itu adalah sifat-sifat konvensional yang sudah tidak patut diterima di zaman sekarang.

Pemahaman seperti ini tidak membawa penulis-penulis itu ke mana-mana. Hasilnya pemikiran mereka dalam sastra tidak dapat ditanggap - tujuan-tujuan yang hendak disampaikan tidak jelas dan para pelaku dalam karya mereka itu menjadi buah bedak yang kadang-kadang merbahaya kepada penulisnya sendiri. Bedak itu membunuh penulisnya sendiri. Bedak itu membunuh penulisnya kerana bedak itu tidak dirangcap dengan sempurna.

Pengolahan fikiran dalam sastra - apa saja jenis karyanya memerlukan penyusunan bukan dalam apa yang diistilahkan oleh seorang penulis di sini sebagai penyusun A hingga Z, bukan itu, tetapi ialah penyusunan fikiran yang jelas bermula dan berakhir, mempunyai alasan yang kukuh yang dapat diujahkan secara tabii oleh pelaku-pelaku karya, bukan pelaku itu di-suruh bercakap atau bertindak tiba-tiba, mati tiba-tiba, hilang tiba-tiba asal saja penulis mahu.

Puisi-puisi hendaklah menyatakan satu pemikiran yang tetap seperti juga satu cerita, satu bentuk perbahasan atau pendapat, bukan hanya longgokan kata-kata yang entah apa tujuannya dengan patah-patah kata yang terapung-apung yang

penulisnya sendiri tidak faham. Kalau berlaku hal yang begini beretilah hubungan antara penulis dan pembaca putus. Perutusan penulis hilang dan karya penulis menjadi tulisan-tulisan kosong, pembaca sama seperti orang buta yang hanya dapat melihat melalui rabaan tangan atau lebih hebat dari itu, karya penulis itu akan diketepikan di sudut-sudut yang terpencil dan penulis hanya "syok sendiri".

Penulis-penulis adalah orang-orang yang mempunyai peranan besar dalam pembentukan fikiran masyarakat, karya-karya penulis boleh mempengaruhi masyarakat, malahan penulis-penulis boleh memberi kesan langsung yang besar kepada masyarakat. Dalam perjuangan kemerdekaan India umpamanya, sajak-sajak Tagore menjadi unsur yang menolok masyarakat India bangun menentang penjajahan Inggeris dan dinyanyikan oleh kalangan rakyat umum.

Dalam hal ini saya ingin menyarankan secara terus terang supaya penulis-penulis kita secara sadar memilih tema dan persoalan karya mereka dengan sadar dan ikhlas dengan tujuan supaya karya mereka akan menjadi bahan rujukan penting dalam perkembangan fikiran masyarakat Brunei yang berasaskan kepercayaan Islam dan adat istiadat serta corak hidup yang sempurna.

TANPA TUJUAN

Penulis-penulis yang menulis tanpa tujuan atau tujuan-tujuan hanya untuk memuaskan naluri egoisma sendiri akan menjadi debu-debu yang terbangun samada menjadi bahan penyakit "kambuh" ataupun hilang lenyap tiada berkesan. Penulis-penulis yang bersifat antibody dengan idea-ideanya berlawanan dengan masyarakat Brunei yang ditola oleh masyarakat akan menjadi penulis-penulis yang terpenchil. Hai mi telah cuba diujjudkan di sin dengan istilah "intellectualism" oleh sebahagian

orang yang baru menaiki anggapannya inilah dasar sedang berkembang di negeri yang maju. Istilah ini baru mendunia di pantai Brunei dan baik berlaku-kilau seperti Tetapi di negeri asalnya "tialism" inilah yang menimbulkan gerakan murdat terhadap nilai standard-standard masyarakat umum — inilah salah gerakan yang menyuar "freedom" dalam semua hidup tanpa sekat moral walaupun dalam makna yang sempti-semptinya.

Sesuai dengan inilah saya menyuarakan rasa bimbang dan kekhawatiran terhadap anak-anak di Indonesia yang dalam hubungan keluarga mereka ayah dengan anak, ibu dengan anak, yang dalam tulisan-tulisan saya membicarakan segala masalah anak-hatta walaupun anak itu menyiksa ibu-ayah dalam tulisan-tulisan saya terutama cerpen-cerpen saya "generation gap" dihidupkan dengan anak-orang tua tetap salah satu dunia yang penuh "free liberty" ini dan anak-anak benar walaupun mereka kepala ibu bapanya. Dalam persoalan film-film saya dan talvisyen dari Amerika dan United Kingdom telah di tulis-penulis dengan sehingga tidak disediakan telah menjadi sasaran kritik ketara untuk anak-anak melalui orang tua. Penulis-penulis saya ingin tanya adakah ini satu hal baik dan bertanggungjawab. Adakah perkara ini patut dibagikan dalam masyarakat. Adakah sebenarnya telah jadi phenomena masyarakat tidak dapat ditolak. Perlu digalakkan dengan pemikiran samerta di. Kalau begitu di peranan penulis sebagai pembentuk masyarakat.

(Lihat muka

ENAM PASUKAN AKAN SERTAI HIGH GOAL

Berita dan gambar dari RTB

DAR SERI BEGA-
N. — Perlawanan Polo
Antarabangsa yang ke-
enam bagi Bahagian High
Goal bermula semalam di
Jerudong Park dengan tiga
perlawanan.

Perlawanan 'High Goal'
yang bagi merebut Piala
Sultan yang dikurniakan
Kebawah Duli Yang
Maha Mulia Paduka Seri
Duli Pengiran Perda-
na Sultan dan Yang
Dipertuan Negeri Brunei,
Muda Hassanah Bolkiah
Waddaulah.

Untuk perlawanan ini,
pasukan mengambil
bahagian yang terdiri dari
enam pasukan
Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Bagin-
da Sultan dan Yang Dipertu-
an Negeri Brunei yang
diketuai oleh Baginda sen-
diri; pasukan Perdana
yang diketuai oleh Yang
Teramat Mulia Paduka
Seri Duli Pengiran Perda-
na Wazir Sahibul Him-
mah Wal-Waqar Pengiran
Muda Mohamed Bolkiah.

Empat pasukan yang
lain adalah dari luar
negeri, terdiri dari
pasukan Diraja Pahang
(Malaysia); Calatagan
(Filipina); Cirencester
Park (United Kingdom)
dan State of Texas (USA).

Dalam tiga perlawanan

Bagi merebut Piala Sultan

semalam, pasukan
Kebawah Duli Yang Maha
Mulia bertemu dengan
pasukan Cirencester Park;
Diraja Pahang bertemu
dengan Calatagan, dan
pasukan Perdana bertemu
dengan Texas.

Hari ini, tiga
perlawanan lagi akan
diadakan petang ini mulai
pukul 2.30 petang iaitu
pasukan Perdana bertemu

dengan pasukan Diraja
Pahang; pasukan Texas
bertemu dengan pasukan
Cirencester Park, dan
pasukan Kebawah Duli
Yang Maha Mulia bertemu
dengan pasukan Calatagan
dari Filipina dijadualkan
pada pukul 4.15 petang.

Pada hari Jumaat, 25hb.
Februari, pasukan
Kebawah Duli Yang Maha
Mulia akan bertemu
pasukan Texas dari
Amerika Sharikat yang di-
jadualkan bermula pada
pukul 4.15 petang. Ter-
dahulu dari itu, pada
pukul 2.30 petang, Diraja
Pahang bertemu dengan
Cirencester Park, dan
selepas itu di ikuti dengan
perlawanan antara
pasukan Perdana dengan
pasukan Calatagan.

Pada hari Sabtu, 26hb
Februari pula, bermula
pada pukul 2.30 petang,
pasukan Calatagan
bertemu dengan pasukan
Cirencester Park dan Di-
raja Pahang akan bertemu
dengan Texas. Pasukan
Kebawah Duli Yang Maha
Mulia akan bertemu
dengan pasukan Perdana.

Pada hari Ahad, 27hb
Februari: Pasukan
Kebawah Duli Yang Maha
Mulia akan bertemu
dengan pasukan Diraja
Pahang dan perlawanannya
akan bermula pada
pukul 4.15 petang. Ter-
dahulu dari itu, dua
perlawanan akan
berlangsung bermula pada
pukul 2.30 petang iaitu an-
tara Pasukan Perdana
bertemu Cirencester Park
dan selepas itu Pasukan
Calatagan akan bertemu
dengan pasukan Texas.

Pemain-pemain dalam
pasukan Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan dan
Yang Dipertuan Negeri
Brunei, terdiri dari
Kebawah Duli Yang Maha
Mulia sendiri; Yang
Teramat Mulia Paduka
Seri Duli Pengiran

Digadong Sahibul-Mal,
Pemain-pemain dalam
pasukan Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan dan
Yang Dipertuan Negeri
Brunei, terdiri dari
Kebawah Duli Yang Maha
Mulia sendiri; Yang
Teramat Mulia Paduka
Seri Duli Pengiran



**PERLAWANAN
POLO
ANTARABANGSA**

ROYAL BRUNEI POLO ASSOCIATION PRESENTS THE
SIXTH POLO INTERNATIONAL INVITATION TOURNAMENT
AT JERUDONG PARK FROM 3rd TO 6th FEBRUARY AND
FROM 21st FEBRUARY TO 27th FEBRUARY, 1983.



PERSATUAN POLO DI-RAJA BRUNEI MEMPERSEMBAH-
KAN PERLAWANAN POLO ANTARABANGSA KALI YANG
KE-ENAM BERTEMPAT DI-JERUDONG PARK PADA 3hb.
HINGGA 6hb. FEB DAN 21hb. HINGGA 27hb. FEB 1983.

Eduardo Moore dan
Alicides Campusano.

Polo Hong Kong dan
Kelab Polo Singapura.

Pemain-pemain Per-
dana pula terdiri dari
Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Duli Pengiran
perdana Wazir Sahibul
Himmah Wal-Waqar,
Pengiran Muda Mohamed
Bolkiah selaku ketua
pasukan; Horacio Heguy,
G. Heguy dan Patrick
Churchward.

Pasukan Diraja Pahang
dianggotai oleh Yang
Amat Mulia Tengku Muda
Pahang, Tengku Asmawi,
John Goold dan
D.Devrient. Pasukan
Calatagan dianggotai oleh
Benji Toda; Greagy
Araneta; Ricky
Yabut/I.Zobel; dan Louis
Castillejo. Anggota-
anggota bagi pasukan
Cirencester Park terdiri
dari Dato C.O.P. Han-
bury, J.Gilmour, Bell dan
R.Fergusson. Pemain-
pemain pasukan State of
Texas, dari Amerika
Sharikat pula terdiri dari
Podjer El Effendi, Bill
Walton, Charlie Flanders
dan Buzz Walker.

Perlawanan bagi
pemain-pemain 'C'
Novices juga telah pun
berlangsung sejak
semalam. Ianya bertempat
di Padang Polo Berakas di
Perkhemahan Askar
Melayu Diraja Brunei.
Perlawanan ini akan
berakhir pada 25hb
Februari dan enam buah
pasukan mengambil
bahagian yang terdiri dari
pasukan-pasukan Jerudong
Park, Berakas, Persatuan
Polo Sabah; Angkatan
Tentera Malaysia; Kelab

Pemain-pemain
Jerudong Park terdiri dari
Yang Dimuliakan Pehin
Datu Pekerma Bijaya, Lt.
Kol. Dato Paduka Haji
Hussin, Kaptein Suhaili,
Yang Dimuliakan Pehin
Datu Harimaupadang Lt.
Kol. Dato Seri Laila Jasa
Haji Awang Husin dan
S/Sgt Sidek.

Pasukan Berakas diang-
gotai oleh Yang
Dimuliakan Pehin Datu
Kerma Setia Major Dato
Seri Laila Jasa Awang Md.
Don, Supt. Pengiran Dato
Hamzad, Awang Haji
Suhaili dan ASP Pengiran
Dato Kamaluddin.

Pemain-pemain Persa-
tuan Polo Sabah terdiri
dari D.Wang, V.Skinner,
Haji Ghani Rashid dan
John Fisher. Angkatan
Tentera Malaysia diang-
gotai oleh pemain-
pemainnya yang terdiri
dari Lt. Gen. Dato Mohd.
Taib, Lt. Kol. Adnan
LAU Ungku Naridan,
Kaptein Bustamam dan
Major Sabir (simpanan).
Kelab Polo Hong Kong
diwakili oleh pemain-
pemainnya yang terdiri
dari Maj. N.W. Carrick,
D. Cassidy, Major D. Har-
dy, Major C. Jeffery dan
T.Tucker (simpanan).
Pemain-pemain Kelab
Polo Singapura ialah Ken
Swales, Rafiq Jumabhoy,
Bill Norris dan Eric Crom-
by.

Perlawanan-perlawanan
tersebut adalah terbuka
kepada orang ramai untuk
menyaksikannya.



Hadiri kursus tentera

Seorang pegawai kanan AMDB,
Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya
Datu Indera Setia Diraja Lt. Kol. Dato
Paduka Haji Awang Abdul Aziz bin Ab-
dullah adalah diantara pegawai-
pegawai kanan tentera dari 10 buah
negara yang menghadiri kursus selama
enam bulan di Maktab Kakitangan
Perkhidmatan Bersama di Canberra,
Australia baru-baru ini.

Negara-negara tersebut adalah
Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina,
Thailand, Papua New Guinea, New
Zealand, Kanada, Britain dan Amerika
Sharikat. Kursus itu termasuk melawat
tempat pemasangan dan perin-
dustrian ketenteraan di Australia Barat

dan Wilayah Utara.

Pada bulan Mei nanti pegawai-
pegawai kanan tentera itu akan
melangcung ke Fiji, Papua New Guinea
dan Kepulauan Saloma untuk mengkaji
keadaan politik, ekonomi dan sosial di
tempat-tempat itu serta bagaimana
negara-negara tersebut menerima kesan
peperangan.

Gambar atas YDM Pehin Orang
Kaya Datu Indera Setia Diraja Lt. Kol.
Dato Paduka Haji Awang Abdul Aziz
bergambar sama dengan Pegawai
Perhubungan Maktab tersebut Kapitan
Pip McCohan di Tugu Peringatan
Perang Australia, (Canberra).

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....

PENDIDIKAN DALAM ISLAM

Sayugia bagi guru itu menghadapi kepada penuntut-penuntut akan masalah yang berfaedah dan perlu ia menguji akan kefahaman mereka, elok juga kalau ia menzahirkan kelebihan seseorang penuntut yang mempunyai kelebihan dalam perkara yang tertentu sambil memuji-mujinya supaya akan menimbulkan kegembiraan kepadanya dan lain-lain penuntut dengan yang demikian akan menggalakkannya supaya berfikir dalam perkara ilmu, dan supaya mereka berlatih dan membiasakan diri di samping mendalami ilmu-ilmu

yang dipelajarinya dan jangan ia mencerca mana-mana penuntut yang membuat kesilapan atau kesalahan kecuali jika dengan berbuat seumpama itu akan mendatangkan faedah kepada penuntut-penuntut itu. Dan apabila telah selesai ia dari mengajar mereka hendaklah pula mereka itu disuruh mengulang pelajaran itu supaya mereka benar-benar tahu dan hafaz pelajaran tersebut, dan jika ada sesuatu perkara yang menjadi kemushkilan dan kesamaran maka perlulah mereka minta guru menerangkan semula pelajaran itu.

ADAB GURU Siri Ke 172

Sayugia bagi guru: tiada merasa sakit hati kepada penuntut-penuntut yang mengaji dengannya kemudian penuntut itu pergi mengaji kepada orang lain. Telah diriwayatkan dalam Musnadud-Darimi daripada Sayidina Ali bin Abi Talib (Radhiallahu Anhu) katanya:

"Hai ahli ilmu hendaklah kamu beramal dengan ilmu itu kerana bahawasanya orang yang

alim itu ialah apabila ia beramal dengan apa yang diketahuinya dan ilmunya itu bersetuju dengan amalnya itu. Perkara ini ditimbulkan kerana di suatu masa nanti akan muncul beberapa kumpulan orang yang berilmu tetapi ilmunya itu tidak melewati lebih dari tulang halkum mereka (ilmu mereka tidak sebanyak mana) amal mereka menyalahi akan ilmu mereka, dan hati mereka menyalahi akan zahir mereka, mereka duduk layak mengajar, akan tetapi jika guru yang lain itu bersifat fasik, atau ahli

bidaah atau banyak ghalatnya (salahnya) maka berkumpul-kumpul setumpuk-setumpuk, setengah mereka megah terhadap yang lain, termasuklah megah mempunyai penuntut sehingga seseorang itu sangat marah akan ashabnya (penuntutnya) pergi dan duduk kepada guru lain dan meninggalkannya. Hal seumpama ini tiadalah amal mereka dengan mengadakan majlis ilmu itu kepada Allah Taala."

Ini dia amaran Sayidina Ali ke atas orang yang bersikap seumpama itu iaitu apabila guru yang lain itu



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Ismail bin Umar Abdull

hendaklah guru itu ingatkan penuntut-penuntut itu supaya jangan ia terpeda dengan guru semacam

WALLAHU A'AL (Bersambung)



Majlis penutup Maulud

Satu majlis penutup sempena sambutan Maulud Nabi s.a.w. bagi Daerah Temburong telah diadakan pada 31hb. Januari lepas bertempat di Masjid Utama Haji Mohd. Salleh Pekan Bangar Temburong.

Dalam majlis tersebut, syarahan khas telah disampaikan oleh Ustaz Hj Abd Aziz bin Juned, Timbalan Kadi Besar Brunei. Tetamu khas dan seterusnya

menyampaikan ucapan alu-aluan pada malam itu ialah Pengawai Daerah Temburong Awg. Haji Zakaria bin Haji Jeneh.

Lebih 200 orang umat Islam di sekitar Pekan itu telah menghadiri majlis tersebut. Di akhir majlis doa selamat telah dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Pekerma Dewa Awg. Hj. Abd. Rahim bin Akim.

Janganlah Sijil2 DBP tinggal tergantung

(Dari muka 2)

patutlah berhenti menulis sekarang. Tulisan mereka hanyalah bibit "apademik" keruntuhan moral masyarakat.

MERAMAL

Saya katakan hal ini bukan semata-mata hendak meramal tetapi setelah meneliti karya-karya yang menyertai peraduan anjuran DBP yang saya telah dilantik menjadi salah seorang anggota Penal Hakimnya. Saya sangat terkejut bila ahli-ahli penal mendapati hampir 30% (20 buah) cerpen yang menyelesaikan masalahnya dengan penulis membunuh para pelaku dengan cara yang tidak tabii, yang sadastive dan fatalistik. Watak-watak itu dipaksa menjadi gila, membunuh diri tanpa sebab, sakit jantung secara tiba-tiba, kemalangan jalan raya yang dipaksakan. Di manakah dalam masyarakat kita terjadi seumpama ini? Atau dalam sebuah cerpen seorang anak nakal terlalu kejam sehingga sanggup menendang ibunya semata-mata kerana si ibu itu menasihati anaknya yang nakal itu. Tema yang ganjil dan di luar batas-batas biasa inilah yang menghairankan. Apakah tujuannya?

baik? Pada saya kalau penulis ini masih lagi beranggapan untuk menjawab ya maka rasa kita tidak memerlukan penulis-penulis ini.

Cuba kita perhati ungkapan sajak ini (yang kutip dari kumpulan sajak masuk peraduan DBP):

Kerana kau seorang bapa yang tiada mengenal aku maka kini ku junamkan badik di atas jantungmu.

Bapa aku adalah sisa-sisa anak yang tiada terpeliharakan hari ini menjelma malaikalmaut menarik menggugat nyawa

— Ganjaran Untai

Kita perhatikan pula penulis lain berkata:

Tunailah apa yang dipaparkan Korbanlah apa yang dipaparkan bertaburanlah bunga-kebaktian di pusara ibu yang mati oleh anak watan yang syahdu

— Seruan Puisik

Semuanya ini adalah gejala yang tidak sihat sastera di Brunei yang bukan oleh pemikiran yang teratur dan tidak ditapis tapikan nilai-nilai masyarakat.

Para hadirin,

Maka dalam bengkel ini dan bertujuan baik ini dari masalah bentuk masalah bagaimana cara menulis, bagaimana bahasa yang berkesan, masalah pemikiran sastera nilai-nilai hidup masyarakat apa ukuran-ukuran masyarakat patutlah dibengkelkan. Persoalan ke mana penulis-penulis bawa masyarakatnya? Di diberi perhatian dengan sungguh-sungguh supaya di Brunei menjadi penapis fikiran manusia Brunei zaman pembangunan ini dengan keperluan budidiprayung oleh nilai-nilai sempurna yang direka Allah.

Ikuti kursus Pentadbiran Persatuan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (W.I) Negeri Brunei telah menghantar seorang ahlinya Dayang Hajjah Mariah bte Abdul Latif untuk mengikuti kursus Pentadbiran Persatuan atas kelolaan Pertubuhan Wanita Dewasa Sedunia (ACWW) dari Tabung Amanah Elsie Zimmern Memorial.

Dayang Hajjah Mariah

telah berlepas ke Sarawak minggu lalu dan akan ditempatkan selama dua minggu di Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak, dan selepas itu Dyg. Hajjah Mariah akan ditempatkan dua minggu lagi di Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Semenanjung Malaysia dan dua minggu lagi dengan Persatuan Wanita Republik Indonesia (Perwari).

Tabung Elsie Zimmern

Memorial adalah merupakan pertubuhan yang bersangkut-paut dalam memberikan latihan dalam pertubuhan dan pentadbiran dengan ahli-ahli ACWW.

Antara dasar dalam latihan tersebut adalah untuk memberi kesempatan pada orang ramai yang bekerja dengan pertubuhan tersebut dalam mempelajari lebih banyak dasar penubuhan perkumpulan wanita luar bandar

dan untuk memberi persefahaman yang lebih baik tentang peluang yang boleh dibangun dalam sesuatu pertubuhan.

Selain dari itu, kursus itu juga akan membincangkan mengenai masalah am, memberi bantuan projek perancangan, simpanan dan laporan. Ini lebih menekankan kepada perhubungan antara ACWW dan ahli pertubuhan yang berkenaan.



Dyg. Hajjah Mariah

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 23hb Februari, 1983 hingga ke hari Selasa 1hb Mac, 1983 adalah seperti di bawah ini:—

Hari	Zuhur	Asar	Magrib	Isyak	Imsak	Matahari Subuh Terbit
23hb Feb	12.39	3.59	6.38	7.49	5.04	5.18 6.33
24hb Feb	12.39	3.59	6.38	7.49	5.04	5.18 6.33
25hb Feb	12.39	3.59	6.38	7.49	5.04	5.18 6.33
26hb Feb	12.38	3.58	6.38	7.48	5.03	5.17 6.32
27hb Feb	12.38	3.58	6.38	7.48	5.03	5.17 6.32
28hb Feb	12.38	3.58	6.38	7.48	5.03	5.17 6.32
1hb Mac	12.38	3.57	6.38	7.49	5.01	5.16 6.31

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negeri Brunei di-mulai dari pukul 12.45 tengahari.

SIKAP TOLONG-MENOLONG PERLU DIAMALKAN


MARILAH kita sama-sama meningkatkan lagi rasa takwa dan taat kepada Allah dengan terus menerus mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Dalam dunia kita hari ini, terdapat di sana-sini perlumbaan dan pergelutan sesama manusia, yang terjadi di antara kaum dengan kaum, atau di antara keluarga dengan

keluarga, atau sahabat dengan sahabat, dan bahkan ada juga setengah orang yang tidak mengenal saudaranya lagi, asal sahaja dia senang dan berjaya maksudnya, itulah yang lebih penting dari segala-galanya. Lalu terjadilah bermacam-macam pertelingkahan dan perselisihan, yang menyebabkan masyarakat menjadi keroh dan kurang tenteram.

Apakah gejala-gejala yang menyebabkan pergolotan dan perlumbaan yang tidak sihat seperti ini? Di antaranya dapatlah di-kesan, berpunca dari tabiat ingin senang sendiri, biar orang lain susah, asal sahaja diri sendiri mendapat senang dan sedap. Orang-orang semacam ini hanya sayang kepada dirinya sendiri, tetapi tidak inginkan orang lain. Contoh orang-orang seperti ini adalah ramai di dalam masyarakat. Apabila dia mendengar orang lain mendapat rahmat dan nikmat, seperti mendapat harta atau kekayaan, atau dapat sanjungan dan pujian daripada orang ramai dan lain-lain, maka muramlah wajahnya. Sebaliknya manakala dia mendengar orang itu ditimpa bencana dan kecelakaan lalu berserililah mukanya tanda gembira.

Sifat yang sedemikian ini, sangat tidak diingini oleh Islam. Agama Islam mencela dan mengutuk orang-orang yang seumpama itu. Agama Islam menganjurkan sifat tolong-menolong, mengasihi antara satu sama lain, dan mengharapkan sesama muslim mendapat kebahagiaan sebagaimana juga kita mengharapkan untuk



diri kita sendiri. Inilah dia sifat orang Islam yang beriman. Selama mana seseorang Islam itu belum sanggup mengasihi saudaranya sesama Islam seperti dia mengasihi dirinya sendiri, maka selama itulah dia belum dianggap beriman dan kamil, seperti hadis Rasulullah s.a.w. riwayat Al-Bukhari artinya :

“Tidaklah beriman seseorang itu, sehingga dia kasihkan saudaranya sebagaimana dia kasihkan dirinya sendiri.”

Yakni jika dia ingin senang, ingin berjaya, maka demikian itu pulalah dia mengharap untuk saudaranya.

Ini dia, persaudaraan sejati, yang pada 1400 tahun yang lampau telah berhasil menciptakan suatu umat, umat yang payah untuk dikenal siapa-tuan dan siapa hamba, siapa miskin dan siapa pula yang kaya. Itulah dia umat Islam, umat yang membentuk sejarahnya yang tersendiri, yang belum pernah dicipta oleh lain-lain umat atau bangsa sebelumnya, mahupun sesudahnya. Umat ini

mewajibkan kasih sayang, mengharamkan dengki, kezaliman dan permusuhan, jangan mencela dan mengumpat. Tolonglah orang-orang yang berkehendakkan pertolongan, bantu simiskin dan bila silemah.

Itulah dia sendi-sendi akhlak Islam, yang berteraskan muhibbah dan kasih sayang yang patut kita pakai dan terima untuk menjadi umat yang dipandang mulia lagi dihormati, baik dari segi pandangan manusia mahupun dari segi ketuhanan yang maha Esa.

Kita timbulkan hal ini dengan tujuan beringat-ingat dari sekarang bahawa kita tidak berapa lama lagi akan memasuki era baru dalam kehidupan bernegara, insya Allah, dengan izin Allah jua pada akhir tahun 1983, di mana pada ketika itu persefahaman dan muhibbah lebih-lebih sangat mustahak menjadi model kita pada memelihara negara yang tercinta ini, mudah-mudahan ia benar-benar menjelma menjadi kenyataan sebagai sebuah negara yang indah dan berkat di bawah naungan dan perlindungan serta keampunan Allah s.w.t.

Hanya dengan menganggap diri masing-masing sebagai bersaudara kita dapat duduk bersama-sama, berkhidmat dengan tekun dalam suasana aman dan selesa, jauh dari persengketaan dan bahkan hampir kepada rahmat dan nikmat, berkat perpaduan yang dihasilkan oleh perasaan muhibbah dan ikatan persaudaraan yang ikhlas. Firman Allah Taala yang berarti : “Sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara.” Pelihara dan ingatilah prinsip ini baik-baik jika kita mahu menjadi bangsa yang teguh dan sejahtera serta digalati.

Pemurah dapat ganjaran baik

Dirwayatkan di dalam sebuah kisah, bahawa Sayidatuna Fatimah, isteri kepada Sayidina Ali r.a. sangat mengatir berhaat untuk memakan buah delima, betulan pada saat itu ang yang ada hanya ikup untuk mendapat biji sahaja, sedangkan keperluan yang in memerlukan wang tersebut. Tetapi oleh kerana Sayidatuna Fatimah benar-benar hendak memakan buah tersebut, maka Sayidina Ali r.a. tidak sampai hati untuk menghampakan mahuan isterinya itu itu Baginda pun pergilah ke pasar untuk membeli dengan wang yang ada itu.

Di dalam perjalanan pulang, Sayidina Ali r.a. telah ditahan oleh seorang peminta sedekah. Ia mengadakan hal dirinya yang belum makan dan tidak mempunyai apa-apa untuk mengisi perutnya. Di dalam keadaan demikian adalah jelas kepada kita bahawa Sayidina Ali r.a. sedang menghadapi satu per-

Bingkisan minggu ini

tarungan jiwa yang hebat iaitu samada ia memilih si peminta sedekah yang kebuluran itu ataupun isteri Baginda yang mendesak kerana mahu memenuhi keinginannya untuk memakan buah tersebut.

Sesudah menjalani pertarungan di dalam jiwanya, akhirnya jiwa yang bersih itu sendiri bertindak menjadi hakim, dan telah membuat keputusan bahawa si peminta sedekah yang kebuluran itu adalah lebih sesuai diutamakan kerana ia lebih berhajat untuk mendapatkan makanan. Lantas dengan itu juga Sayidina Ali r.a. pun memberikan buah delima itu kepada si peminta sedekah dan kemudian Baginda pun pulang ke rumahnya dengan hati yang lapang. Setiba beliau di rumah, sebagai seorang sumai yang jujur dan ikhlas, Sayidina Ali r.a. pun memberitahu isterinya bahawa buah delima yang dihajatkannya itu telah pun diberikannya kepada seorang peminta sedekah yang sangat-sangat memerlukannya.

Diringkaskan cerita, tidak berapa lama kemudian, tiba-tiba di luar kedengaran ada orang memberi salam, Sayidina Ali r.a. pun menyahutnya dan didapati orang yang memberi salam itu adalah sahabat Baginda Salman Al-Farisi, sahabat itu membawa amanah

daripada orang yang tidak dikenalnya. Orang itu meminta kepada sahabat Salman Al-Farisi supaya menyampaikan kepada Sayidina Ali r.a. sepuluh biji buah delima.

Alangkah gembiranya hati Sayidina Ali r.a. dan sambil tersenyum beliau pun menerima amanah tersebut dengan penuh rasa kesyukuran kepada Allah s.w.t.

Demikianlan secebis kisah yang menggam-barkan bahawa setiap perbuatan yang pemurah itu pasti akan menerima gan-jaran balasan yang baik pula, sebagaimana Allah s.w.t. berfirman di dalam Surah Ar-Rahman ayat 60 yang kira-kira bermaksud :

“Tidak ada balasan terhadap kebaikan itu, melainkan dengan kebaikan pula.”

Berdalilkan kepada firman Allah tersebut, adalah jelas kepada kita bahawa Agama Allah (Islam) itu adalah satu Agama yang benar-benar mementingkan keadilan dan ianya juga mendidik kita supaya sentiasa bersifat pemurah kerana sifat permurah itu adalah unsur-unsur kebahagiaan hidup seseorang makhluk Allah yang benar-benar bertakwa kepada-Nya.

Sesungguhnya pembalasan daripada perbuatan baik yang kita lakukan itu kadangkala telah ternampak sewaktu kita hidup di dunia lagi, maka daripada pembalasan yang sedemikian itu kita rasakan betapa nikmatnya, hanya Allah sahaja yang mengetahui, maka bagaimanalah pula dengan balasan yang akan diterima di akhirat kelak? Sesungguhnya tentulah jauh lebih besar gandanya daripada yang kita terima di dunia.

J/K Masjid Jamalul Alam

KUALA BELAIT. — Jawatankuasa Masjid Mohamad Jamalul Alam, di sini telah mengadakan mesyuarat pertamanya bertempat di dewan masjid tersebut pada 9hb. Januari lepas.

Tujuan mesyuarat itu diadakan ialah bagi melantik ahli-ahli jawatankuasa yang baru bagi tahun 1983/1984. Yang mana di dalam mesyuarat itu Kadi Daerah Belait telah dilantik menjadi Penasihat, Imam Zainal bin Idris dilantik sebagai Pengerusi, Haji Abang Abu Hanifah bin OKPS Diraja Hj. A. Bujang dilantik sebagai Timbalan Pengerusi. Sementara Haji Abang Morsidi

bin Haji Abang Suhaili dilantik sebagai Setiausaha dan Penolong Setiausaha ialah Cikgu Abdul Wahab bin Abdullah.

Seterusnya Haji Hamdan bin Abdullah telah dilantik sebagai Bendahari, Cikgu Mohammad bin Abu Bakar dilantik sebagai Pemeriksa Kira-kira I dan Awang Md. Yusof bin Haji Omarali dilantik sebagai Pemeriksa Kira-kira II.

Ahli-ahli jawatankuasa biasa terdiri dari Haji Johari bin Haji Omarali, Haji Abdul Latif bin Haji Mohd. Noor, Awang Jailani bin Md. Noor dan Awang Hamidon bin Omar. — ZHS.



Dayang Christine Earde, 22 tahun berasal dari Thailand telah memeluk agama Islam baru-baru ini.

Majlis pengislaman telah dilangsungkan di rumah Pengiran Haji Tajuddin bin Pengiran Alim, Kampung Sengkarai, Tutong.

Dayang Christine yang kini di kenali sebagai Dayang Roslina binte Abdullah telah melafatkan ikrar Islamnya di hadapan Awang Yusof bin Haji Kamis.



Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Brunei telah menerima wang tunai \$1,000.00 untuk Derma Bencana Alam. Wang tersebut telah di-sampaikan kepada Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain oleh Awang Ibrahim bin Haji Ali, Pengurus Jawatankuasa Malam Seni Budaya Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan yang mana Malam Seni Budaya ini diadakan di Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, pada 25hb. Disember, 1982 (gambar atas).

Turut hadir dimajlis penyampaian itu ialah Awang Bakar Abdul Rahman, Bendahari dan Pengiran Mohammad bin Pengiran Sarpiudin, Setiausaha.

Perbarisan tamat latihan Pasukan Askar Muda

PERKHEMAHAN BOL-KIAH. — Satu Upacara Perbarisan Tamat Latihan bagi Pasukan Askar Muda Pengambilan Ke 5, Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei akan

diadakan pagi Jumaat ini, 25hb. Februari di Padang Kawad Pasukan Askar Muda di sini.

Dijangka akan menerima Tabik Kehormatan diupacara yang

akan berlangsung jam 7.45 pagi itu ialah Jurulatih Kanan Pusat Latihan, Major Dato WJB Peat.

Sementara itu, Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei Bahagian Pusat Latihan juga akan mengadakan upacara serupa bagi rekrut-rekrut Pengambilan Ke 58 pasukan tersebut bulan depan. Perbarisan pada 11hb. Mac itu nanti akan menandakan tamatnya latihan bagi 110 orang lagi rekrut baru pasukan itu.

Pegawai Pemerintah Angkatan Laut, Lt Col AH Lorimer dijangka akan menerima tabik kehormatan dan menyampaikan hadiah-hadiah kepada rekrut-rekrut terbaik. Perbarisan akan bermula jam 8.30 pagi di Padang Kawad Pusat Latihan di sini. — AP.

Kursus Asas Wood Badge

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persekutuan Pengakap Negeri Brunei melalui bahagian Pasukan Latihan Kebangsaan akan mengelolakan satu Kursus Asas Ke Wood Badge bagi pemimpin-pemimpin Pengakap dan Pengakap Serigala.

Kursus tersebut akan diadakan di kawasan Perkemahan Pengakap Gadong dan di jadualkan akan diadakan pada penghujung bulan Mac, 1983 ini. Tarikh sebenarnya akan di-

etapkan kemudian.

Pemimpin-pemimpin Pengakap yang berminat untuk mengikuti kursus tersebut dipelawa untuk menghantar borang permohonan kursus yang sekarang boleh diperolehi daripada Pesuruhjaya Daerah masing-masing atau terus kepada Setiausaha Latihan, P.O Box 2227, Bandar Seri Begawan dan hendaklah dikembalikan melalui Pesuruhjaya Daerah masing-masing dengan seberapa segera yang boleh.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 23hb. hingga 28hb. Feb. 1983

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Panglima Beruddin, Limau Manis	23.2.1983	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Pengkalen Batu	23.2.1983	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Masin	23.2.1983	Rabu	11.00-12.00 T/Hari
Sekolah Melayu Jerudong	26.2.1983	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Pusat Tahanan Jerudong	26.2.1983	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Sengkurong	26.2.1983	Sabtu	11.00-12.00 T/Hari
Sekolah Ugama Sengkurong	26.2.1983	Sabtu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas	26.2.1983	Sabtu	3.15- 4.15 "
Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut	26.2.1983	Sabtu	4.30- 5.30 "
Di hadapan Rumah Penghulu Kampung Serasa Kawasan Rumah Ketua Kampung Masjid Lama	27.2.1983	Ahad	9.00-10.00 pagi
Di hadapan Kedai Pekan Muara	27.2.1983	Ahad	10.15-11.15 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Rendah)	28.2.1983	Isnin	11.30-12.00 T/Hari
Berhadapan Kedai Kampung Perpindahan Berakas	28.2.1983	Isnin	2.00- 3.00 petang
			3.30- 4.30 "

PENDAFTARAN BAGI PEPERIKSAAN SIJIL PERDAGANGAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pejabat Lembaga Peperiksaan, Brunei memaklumkan kepada calon-calon dari Kelas Dewasa negeri ini bahawa Peperiksaan Sijil Perdagangan akan diadakan pada 29hb. Mei dan 5hb. Jun depan.

Dari itu calon-calon dari Kelas Dewasa adalah dikehendaki mendaftar melalui guru-guru kelas perdagangan atau dari penyelia-penyelia Pelajaran Dewasa di sekolah masing-masing. Sementara bagi calon-calon persendirian bolehlah mendaftar terus ke Pejabat Lembaga Peperiksaan, Brunei.

Pendaftaran bagi peperiksaan tersebut telah pun dibuka pada hari Isnin lepas 21hb. Februari, 1983.

Selain dari itu calon-calon juga dikehendaki menyertakan sama borang pendaftaran masuk dengan keterangan yang diperolehi pada tahun-tahun yang lalu seperti sijil-sijil atau slip-slip keputusan peperiksaan.

Borang pendaftaran masuk juga boleh didapati dari Pejabat Lembaga Peperiksaan Brunei di Lapangan Terbang Lama Brunei dan hendaklah dihantar ke alamat tersebut tidak lewat dari 21hb. Mac, 1983.

Antara matapelajaran yang akan dibukakan nanti adalah seperti menaip, kepantasan menaip, trengkas, stenografi dan simpankira. Semua matapelajaran itu akan dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu Peringkat

Permulaan, Peringkat Menengah dan Peringkat Tertinggi.

Kadar bayaran bagi ketiga-tiga peringkat Peperiksaan Sijil Perdagangan Brunei ini ialah di peringkat Permulaan menaip, trengkas dan simpankira kadar bayaran sebanyak \$12.00, di peringkat Menengah matapelajaran menaip, trengkas, simpankira dan stenografi kadar bayaran sebanyak \$15.00 dan di peringkat Tertinggi matapelajaran menaip, trengkas, simpankira dan stenografi bayaran \$20.00.

Sementara bagi ujian kepantasan menaip di Peringkat Tertinggi kadar bayaran sebanyak \$15.00 dan di Peringkat Menengah \$10.00. ZHS.

J/K MBDB yang baru

KUALA BELAIT. — Majlis Belia Daerah Belait dalam Mesyuarat Agungnya yang ke3 di Dewan Kemasyarakatan di sini baru-baru ini telah melantik Jawatankuasa Tadbir Tertinggi bagi tahun 1983 - 1984.

Mesyuarat tersebut telah melantik Awang Ismail bin Apeng sebagai Pengerusi Tetap, Naib Yang Dipertua ialah Awang Haji Jumat bin Haji Idris, Timbalan Yang Dipertua, Haji Abang Abu Hanifah bin O.K. Haji Abang Bujang, Bendahari Awang Mohd. Wali bin Hassan, Awang Sulaiman bin Haji Udin sebagai Setiausaha dan Timbalan Setiausaha ialah Awang Harun bin Mokti.

Mesyuarat tersebut juga telah antara lain membincangkan laporan kewangan dan kegiatan MBDB sepanjang tahun 1981 - 1982. — AP.

Sikap pugut sangat2 di kesali

BANDAR SERI BEGAWAN. — Orang ramai diingatkan supaya tidak mengulangi perbuatan menebang atau mematah-matah pokok-pokok hiasan yang ditanam oleh pihak Kerajaan dalam usaha untuk membina ibu negeri dan kawasan-kawasan sekitarnya sebagai persediaan menjelang Hari Kemerdekaan.

Menurut jurucakap dari Jawatankuasa Mem-bina Bandar Seri Begawan: "Perbuatan sedemikian amat dikesalkan bukan sahaja kerana pembaziran tenaga, masa dan kewangan, malah ianya juga merupakan sabotaj ke atas usaha pihak Kerajaan."

Beliau menyuarakan

harapan itu memandangkan terdapatnya kerosakan beberapa pokok-pokok hiasan ditebang dan dipatahkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab. Jurucakap juga merayu orang supaya memberi kerjasama dalam sama-sama memata-matai dan menjaga keselamatan dan kejahteraan pokok-pokok hiasan yang telah ditanam di ibu negeri dan kawasan-kawasan sekitarnya.

Dengan menjaga keselamatan pokok-pokok tersebut, katanya, orang akan dapat mengindahkan dan membina kawasan bandar dan juga menghasilkan alam sekitar yang sejuk dan udara segar yang bersih.



Sepohon pokok yang telah dirosakan yang ditanam di kawasan bandar.

SUKAN PELITA

Kelolaan:
Manaf Rahman

Siri Piala Malaysia 1983

Perak Kecundang

Perak gagal memecahkan
tanpa kalah Brunei bila
kecundang dengan jar-
janggal dari pemain
nahan Jafari Samad di
ke 27 separuh masa per-

sil dari satu tendangan
yang diambil oleh
Jafaruddin Kassim. Jafari
empat tinggi untuk
menduk masuk gol
ut.

menangan ini adalah
kali ke empat Brunei di
sendiri dan yang
dari tujuh perlawanan
angan ini Brunei berjaya
as kekalahan di tangan
musim lepas dengan
an yang sama.

nei sepatutnya men-
4-0 jika percubaan
Majidi yang
angan dengan penjaga
rak, Mohd. Nassir
ui sasaran.

ain terbaik Zainuddin
juga terlepas peluang
ubahkan gol bila dua
annya mengenai tiang
ot ke 17 dan palang di
e 20.

eparuh masa kedua
gagal mengekalkan
asaan permainan dan
kali menghadapi
an dari serangan
n yang merbahaya
enyserangan pasukan

u tidak dengan
erlangen penjaga gol,
ng bermain begitu baik
nungkin Perak berjaya
bas jaringan.

kat ini Brunei telah
gut 10 mata dari tujuh
anan dan pasukan
gsaan akan menentang
a pada Jumaat, 25hb.
ari di Stadium Kubu
angkatan Tentera pada
Februari di Stadium
eka, Kuala Lumpur.

senarai kedudukan,
an kebangsaan pada
ini menduduki tempat
di belakang Kelantan
n perbezaan jaringan
Jika Brunei mampu
utip empat mata penuh
ua perlawanan tersebut,
ng untuk memasuki
akhir bertambah cerah.

Pulau Pinang bertemu puaka

TERPUKAU JARINGAN MENGEJUT 2 — 0

PULAU Pinang menjadi mangsa
ketiga terjerat di tempat lawan bila
tumpas dengan jaringan 2-0 dalam
masa 10 minit masa permainan akan
tamat.

Shukor Salleh yang mensifatkan
'Brunei tempat ber'puaka' bagi
pasukan pendatang' terbokti
bertemu puaka tersebut bila terkena
badi puaka dan 'terpukau' dengan
jaringan mengejut dua biji dalam
masa tidak sampai satu minit!

Brunei yang dapat mengekang
pergerakan nadi penggerak Pulau
Pinang, Ahmad Yusof dan Shukor
telah menghancurkan pergerakan
barisan depan terutama Hasamud-

din Hassan dan Woi Haw dan gagal
memberi tekanan kepada Ali Haji
Ismail.

Shukor dan anak buahnya yang
ingin mematikan kekebalan Ali
gagal mencapai tujuannya kerana
benteng pertahanan dari barisan
Jafari, Ahmad, Idris dan Yusof
begitu kuat untuk digempur.

Kedua gol Brunei itu mungkin
berpunca dari kebijaksanaan
jurulatih, Awang Haji Idris yang
memasukkan Hamid dan
mengeluarkan Murni bagi mem-
bolehkan Zainuddin kembali ke

posisi tengah.

Kesannya begitu mendalam dan
hanya dua minit hasil dari ten-
dangan sudut Zainuddin yang ditan-
duk oleh Jaafar dan disambung oleh
Majidi untuk gol pertama Brunei di
minit ke 82.

Belum pun gamat sorakan gem-
bira penonton habis, sekali lagi
Zainuddin membuat gerakan
memberikan bola kepada Hamid
yang memperdayakan Kamal Khalid
dan terus merembat mengelirukan
penjaga gol Pulau Pinang, Rahim
Mohammad.

Kemenangan ke atas Pulau Pinang mutlak

KEMENANGAN Brunei
ke atas Pulau Pinang
adalah mutlak. Mereka
lebih cepat merebut
peluang di depan pintu
gol. Demikian pengakuan
dari pengurus pasukan
Pulau Pinang A.S.Mydin.

"Di samping itu saya
juga ingin memberikan
penghargaan kepada
penonton dan penyokong
pasukan tuan rumah yang
telah menunjukkan sifat
kesukanan yang tulin yang
paling bersopan pernah
saya temui," jelasnya.

Beliau mengakui yang
Brunei bermain lebih baik
dalam pertemuan itu
terutama di separuh masa
kedua di mana pasukan
tuan rumah lebih agresif
dengan kemasukan Hamid
Hj. Jaafar yang telah
dapat mengucirkan
pertahanan Pulau Pinang.



BARISAN pemain Brunei kegembiraan meraikan gol kedua yang dijaringkan oleh Hamid Haji Jaafar.



JAFARI melompat tinggi menanduk bola beberapa saat sebelum bola menjunam ke gawang Perak.

Bukan kerja mudah untuk tewaskan Ali

IRANYA Ali ber-
untuk Pulau Pinang
kami menjadi
kan yang terkuat.
tentu merasa ber-
Mempunyai penjaga
ang kental seperti Ali
h impian sesuatu
an".

kan kerja yang
h untuk menewaskan
beliau cukup handal.

tangkas, padu dan kental.

Begitu pandangan
jurulatih dan bekas pe-
main antarabangsa
Malaysia, Shukor Salleh.

Alilah yang menjadi
batu penghalang dalam
pertemuan itu. Jika dalam
satu-satu perlawanan,
tambah Shukor, barisan
pertahanan sudah dapat di
patahkan maka peluang
untuk menjaringkan gol

adalah 90 peratus.

Tapi ini tidak kepada
pasukan Brunei. Jika per-
tahanannya tembus,
janganlah berangan
senang membuat jaringan
kerana Ali tersangat kebal
untuk di tewaskan.

"Saya mengakui
ketangkasan dan kehan-
dalan Ali dan mengaku
kalah dan biarlah mesej
saya untuk menewaskan

beliau menjadi kenangan,"
keluh Shukor.

Beliau juga mengakui
kemenangan Brunei
kerana azam dan semangat
pemain yang sentiasa
merebut peluang yang ada
di samping sokongan
moral penonton. Shukor
mensifatkan pemain
Brunei diserapi semangat
'bermain untuk negara'.

Permainan Brunei
menurutnya, bertambah

baik dari segi per-
sefahaman dan perfor-
mance mereka dan
mengakui juga kesilapan
mengarahkan tumpuan
kepada Majidi dan
Zainuddin telah mem-
bolehkan Hamid bergerak
dengan bebas dan berjaya
menjaringkan gol kedua
Brunei.



SHUKOR Salleh ... Ali memang tangkas dan handal.

Laporan akhbar luar negeri mengelirukan

Hasrat dan cita-cita keagamaan negeri ini boleh dikatakan telah diketahui umum. Dengan sifatnya sebagai sebuah keSultanan Islam sejak zaman berzaman maka unsur dan nilai-nilai Islam memanglah berpengaruh ke atas kerajaan dan rakyat.

Sejarah telah membuktikan betapa semua lapisan rakyat dan penduduk telah menjalani kehidupan dengan aman dan sempurna di bawah pemerintahan Raja dan Kerajaan Islam Brunei sejak zaman berzaman. Tetapi kedudukan kita yang sedemikian

itu nampaknya telah tidak difahami dengan baik oleh setengah-setengah pihak di luar negeri.

Hasrat dan cita-cita terhadap Islam yang dijelaskan melalui titah dan ucapan pegawai-pegawai tertinggi kerajaan telah dilihat sebagai perkara yang baru bagi Brunei, lalu dikatakan bahawa menjelang kemerdekaannya, negeri ini kononnya telah menampakkan sikap yang radikal.

Sebuah akhbar di London telah menyiarkan laporan wakilnya di

Singapura yang mengulas mengenai apa yang dinamakannya sebagai sikap baru Brunei yang radikal. Dari kandungan laporan tersebut kita dapat mengesan bahawa apa yang disebut sebagai 'new radicalism' itu di-pertalikan dengan hasrat dan cita-cita kerajaan dalam meningkatkan serta meluaskan amalan keagamaan. Dan oleh kerana kedudukan itu tidak difahami dengan baik oleh orang luar, maka ia telah dilaporkan secara keliru tetapi akan mudah diterima di luar negeri.



Pengarah Penerangan, Awg Haji Badarudin bin Pengarah Haji Othman.

Berikut ialah penjelasan Awang Haji Badarudin bin Pengarah Haji Othman, Pengarah Penerangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan dalam tinjauan majalah radio mengenai laporan akhbar luar negeri yang telah disiarkan pada 7hb. Januari, 1983.

Diusahakan dan disusun oleh :
Muhaimin Hj. Muhammad.

Soalan : Baru-baru ini terdapat satu statement yang dibuat oleh akhbar luar negeri berhubung dengan langkah pihak kerajaan menghantar rombongan untuk meninjau ke negara-negara luar bagi memerhati soal sistem undang-undang Islam, jadi dapatkah Tuan Haji menerangkan berhubung dengan kedudukan statement tersebut?

Kedudukan sebenarnya ialah laporan yang dibuat oleh sebuah akhbar di London "Observer" memetik dari wakilnya di Singapura mengatakan bahawa Kebawah DYMM berkenan menghantar YAB Pemangku Menteri Besar ke Arab Saudi untuk mengadakan kajian berhubung dengan rancangan Brunei hendak mengikut sistem undang-undang Islam sebagaimana yang diamalkan oleh negara tersebut. Laporan itu juga menyebutkan Yang Amat Berhormat mengadakan perundingan dengan Timbalan Setiausaha Agung yang disebut Liga Islam, adalah tidak berasas sama sekali.

Kemudian disebutkan dalam laporan itu kononnya dari sumber-sumber diplomatik di Singapura iaitu pegawai-pegawai kita yang menjalani latihan di sana ada menyebutkan, kononnya kita di Brunei akan melaksanakan sistem undang-undang Islam, iaitu dari segi kesalahan-kesalahan jenayah seperti mencuri dipotong tangan, berzina direjam dan pengharaman seratus-peratus minuman keras.

Jadi laporan yang sedemikian itu kita kaji sejauh mana ia telah menimbulkan kekeliruan bukan saja di kawasan Asia-Pasifik atau pun di kalangan negara-negara Asean yang terdekat, tetapi saya tekankan di peringkat antarabangsa, kerana laporan itu telah dipetik oleh beberapa ejensi berita antarabangsa termasuk 'Reuter'. Jadi kita merasakan ada semacam keganjilan dalam laporan itu, terutama sekali dalam peringkat kita hampir melangkah dalam beberapa bulan saja lagi untuk mengambil-alih hubungan antarabangsa sepenuhnya sebagai

sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka.

Kita khuatir dengan laporan itu bahawa Brunei disebut sebagai radikal dari segi Islam. Ini bukan bermakna kita menolak undang-undang Islam, kerana sebagai umat Islam yang ditakdirkan berkuasa di negeri ini, Islam itu adalah 'dominant' dalam kerajaan dan rakyat negeri ini.

Bukan bermakna kita menolak undang-undang Islam, kerana sebagai umat Islam yang ditakdirkan berkuasa di negeri ini, Islam itu adalah 'Dominant' dalam kerajaan dan rakyat negeri ini.....

Kita tidak menolak akan kebenaran dan kemurnian undang-undang Islam, tetapi yang kita khuatir dari laporan itu ialah kita sebenarnya belum bersedia sepenuhnya untuk mengambil langkah-langkah apa yang dinamakan mengIslamkan dari segi segala aspek kehidupan kita. Kita masih jauh berjalan untuk ke arah itu, tiba-tiba ada gambaran yang seolah-olah menyamakan kita dengan rejim Islam yang memang dikenal di sebelah barat yang kini menjadi kekhuatiran orang-orang barat, kerana kita khuatir akan di golongkan salah satu rejim yang dicap sebagai 'radicalism' yang tidak bertanggungjawab dan sebagainya.

Laporan itu yang anehnya seolah-olah jahil tentang kedudukan Brunei apabila ia menyebutkan kononnya Kerajaan Brunei dalam sikapnya yang radikal itu telah menekan dan mendesak Syarikat Minyak Shell Brunei supaya membukakan sahamnya sebanyak 50% kepada negeri ini, jadi yang menghairankan sebuah suratkhbar yang bertanggungjawab tiba-

nya, kemudian dikaitkan dengan perusahaan minyaknya, ini seolah-olah ada suatu motif tertentu bagi memberikan gambaran kepada orang-orang di luar negeri, terutama sekali di peringkat antarabangsa di setengah-setengah negara-negara barat yang memang merasakan bimbang terhadap Islam itu "revival" di zaman ini. Oleh itu perasaan curiga terhadap Brunei sudah ditanam awal-awal yang mana kita akan mengambil-alih tanggungjawab antarabangsa sepenuhnya sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat, ini yang kita khuatirkan.

Dari segi undang-undang Islam itu tidak dikhuatirkan, tetapi apa yang ditakutkan imej kita diconteng-conteng di luar negeri dalam mana kita masih jauh untuk melangkah ke arah yang kita cita-citakan.

Soalan : Berhubung dengan perkara itu, apakah kedudukan yang sebenar bagi memaklumkan kepada orang ramai dengan statement yang dikeluarkan tersebut?

Oleh kerana itu telah banyak diketahui di luar negeri, manakala orang ramai di negeri ini tidaklah begitu hirau sangat, kerana kita akan mengetahui akan kedudukan kita sebenarnya samada oleh rakyat dan penduduk yang beragama Islam atau tidak. Saya percaya polid dan dasar-dasar yang diikuti oleh kerajaan pada masa ini dalam melaksanakan atau mempertingkatkan kehidupan Islam dan mengamalkan cara hidup Islam kerana hasrat dan cita-cita terhadap Islam itu dijelaskan dari titah Kebawah DYMM secara berterang-terang menitahkan supaya kita di Brunei mengamalkan cara hidup Islam, dan diucapkan secara tidak bersembunyi-sembunyi oleh pemimpin-pemimpin tertinggi kita dalam kehidupan Islam dan menerima nilai-nilai kehidupan Islam dan memperluas amalan amalan keislaman.

Sebenarnya penafian lebih banyak di tujukan untuk orang-orang di luar negeri dan bukan untuk dalam negeri ini.

Menimbulkan kekeliruan bukan saja di kawasan Asia-Pasifik atau pun di kalangan negara-negara Asean yang terdekat, tetapi saya tekankan di peringkat antarabangsa, kerana laporan itu telah dipetik oleh beberapa ejensi berita antarabangsa termasuk 'Reuter'.....

Ada suatu motif tertentu bagi memberikan gambaran kepada orang-orang di luar negeri terutama di peringkat antarabangsa di setengah-setengah negara barat yang memang merasakan bimbang terhadap Islam itu "revival" di zaman ini

RANCANGAN TV MINGGU INI

PEHAK Radio Talivisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

HARI RABU 23HB FEBRUARI

AM

PEMBUKAAN
QURAN DAN MARI KITA
BERDOA
SUSUNAN RANCANGAN
KAP KAP UDANG
GREAT SPACE COASTER
THE NEW ADVENTURES OF
SUPERMAN
BERITA AWAL
DIFFERENT STROKES
321 CONTACT
AZAN MAGHRIB
321 CONTACT — sambungan

AM

BERITA DALAM BAHASA
INGGERIS
JULIET BRAVO :
"Trouble At T'Mill" Old Izzy telah lama bekerja di kilang itu manakala Ted pula mahukannya di rombak. Inspektor Jean mendapati dirinya terperangkap di tengah-tengah pertelingkahan itu.

AZAN ISHA
JULIET BRAVO — sambungan
WARTA BERITA
POLO — HIGH GOAL
LIPUTAN NASIONAL
PRIVATE BENJAMIN :
"Undercover Judy" Pvt. Sims kurang senang dengan penagih hutang di pengkalan mereka. Judy Benjamin mencari jalan untuk menangkap orang itu.
MAGNUM :
"The Elmo Ziller Story" Magnum mempunyai tugas yang sukar apabila di upah oleh anak perempuan kepada seorang yang mempunyai sama bentuk rupa dengan Higgins!
TAYANGAN GAMBAR :
"Breaking Up Is Hard To Do?" Bhg. 2
SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 24HB FEBRUARI

AM

PEMBUKAAN
QURAN DAN MARI KITA
BERDOA
SUSUNAN RANCANGAN
KAP KAP UDANG
SESAME STREET
BERITA AWAL
FLINTSTONE FROLICS
WORLD OF SURVIVAL :
"Puffin Summer" Mengenal serba sedikit sejenis burung laut Puffin.
AZAN MAGHRIB
WORLD OF SURVIVAL — sambungan

BERITA DALAM BAHASA
INGGERIS
PETROCELLI :

AM

AM

AM

AM

AM

AM

AM

AM

AM

AM

AM

AM

AM

AM

AM

AM

AM

AM

AM

AM

AM

AM

AM

AM

AM

AM

AM

AM

"Any Number Can Die" (Episod Terakhir) Tony Petrocelli menjadi sasaran pembunuhan apabila penyiasatan menunjukkan kematian biasa (natural death) pelanggannya sebenarnya ialah satu pembunuhan.

7.49 AZAN ISHA
7.54 PETROCELLI — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIDAYAT
9.05 POLO — HIGH GOAL
9.35 DUNIA MINGGU INI
10.05 ROAD TO WEMBLEY :
Luton Lwn Manchester United
10.55 BOSOM BUDDIES : "Who's On Thrust" Kip dan Henry telah tahu bahawa bercuti di pergunungan adalah satu pengalaman jauh dari dugaan.
11.25 BELLAMY
12.15 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 25HB FEBRUARI

TENGAHARI

12.00 LAGU KEBANGSAAN
12.02 QURAN DAN MARI KITA
BERDOA
12.13 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 RANCANGAN UGAMA
12.30 SEMBAHYANG FARU JUMAAT
DARI MASJID OMAR ALI
SAIFUDDIN BSB. (Siaran langsung)
1.30 APANYA KITANI (Ulangan)

PETANG

2.15 HAPPY GO ROUND
3.00 HEATHCLIFF AND MARMA-
DUKE
3.30 WILD LIFE ON ONE :
"Some Of My Best Friends are
Vultures"
3.59 AZAN ASAR
4.03 THESE ARE THE DAYS
4.25 KAP KAP UDANG
4.55 ELECTRIC COMPANY
5.20 WORKING WITH CLAY
5.35 THE ODDBALL COUPLE (Siri Baru)
6.00 BERITA AWAL
6.05 YOU ASKED FOR IT
6.30 SECRET VALLEY :
"The Sticky Situation"
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 SECRET VALLEY — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA
INGGERIS
7.15 SPIDER-MAN "Pilot" Pt. I
(Siri Baru)
7.49 AZAN ISHA
7.54 SPIDER-MAN — Sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 POLO — HIGH GOAL
9.05 MENJELANG '83 (Ulangan) Bhg. 2
9.35 DALLAS :
"Where There's A Will"
10.25 DETECTIVE SCHOOL
10.55 SNOOKER :
"Canada Lwn Scotland" Bhg. I
11.25 STRIKE FORCE : "Lonely Lady"
12.15 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 26HB FEBRUARI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA
BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 TARZAN LORD OF THE JUNGLE
6.30 WORLD OF BIRDS :
"Swallow At The Mills"
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 WORLD OF BIRDS — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA
INGGERIS
7.15 BARBARA MANDRELL AND
MANDRELL SISTERS
7.48 AZAN ISHA
7.53 BARBARA MANDRELL AND
MANDRELL SISTERS —
sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 POLO — HIGH GOAL
9.05 LIPUTAN NASIONAL
9.35 MARI MEMASAK :
"Pear Cheese Cake" Resipinya ada
di siarkan di muka lain akhbar ini.



Adegan dari RUMPOLE'S RETURN — tayangan gambar Selasa depan.

10.05 TAYANGAN GAMBAR
INDONESIA : "Betty"
11.35 TAYANGAN GAMBAR AKHIR :
"Seizure: The Story of Kathy Morris" (Drama) Dari Kisah benar seorang penyanyi muda, Kathy Morris yang hampir maut ketika menghadapi satu pembedahan di kepalanya. Kejayaan operasi itu bukan sahaja memberi kesan kepadanya tetapi juga kepada kehidupan doktor bedahnya.
Pelakon-pelakon : Leonard Nimoy, Penelope Milford, Christopher Allport, Frederick Lehre, dll.
1.05 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 27HB FEBRUARI

PETANG

2.00 PEMBUKAAN
2.02 QURAN DAN MARI KITA
BERDOA
2.13 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 KIMBA THE WHITE LION
"The Day The Sun Went Out"
2.45 THE JEFFERSONS
3.10 BIG LEAGUE SOCCER
3.58 AZAN ASAR
4.01 BIG LEAGUE SOCCER —
sambungan
4.05 PLASTIC MAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 TECHNOLOGY RISKS AND
OPPORTUNITIES : "Solar Energy
For Domestic Use"
5.15 ON SAFARI
5.30 SCIENCE INTERNATIONAL
6.00 BERITA AWAL
6.05 THE FONZ AND THE HAPPY
DAYS GANG : "Westward Who"
ANGIE :
"Theresa's Gigolo" Angie kurang
senang apabila mengetahui Theresa
belajar disco dancing dari Gianni.
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 ANGIE — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA
INGGERIS
7.15 THE LOVE BOAT
7.48 AZAN ISHA
7.53 THE LOVE BOAT : sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 POLO — HIGH GOAL
9.05 APANYA KITANI
9.55 MIND YOUR LANGUAGE
10.25 TAIWAN DOCUMENTARY :
"Three Decades To The Miracle"
10.55 RUSH : "La Belle France" Chevalier de Fontaine De Vanclose tiba dan mengusahakan satu perlumbungan besar dan bertolak sebagai seorang hero!
11.45 DARK ROOM
12.35 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 28HB FEBRUARI

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA
BERDOA

4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE WINTER OF ENCHANTMENT
5.15 SUPERFRIENDS :
"Fantastic Frerps"
6.00 BERITA AWAL
6.05 THAT'S INCREDIBLE
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 THAT'S INCREDIBLE —
sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA
INGGERIS
7.15 THE POWERS OF MATTHEW
STAR
7.48 AZAN ISHA
7.53 THE POWERS OF MATTHEW
STAR — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 CONNECTIONS : (Siri Baru) "The Trigger Effect" James Burke membawa kita meninjau dengan cara lain mengenai sejarah. Dia menerangkan bagaimana satu ciptaan menimbulkan yang lain. Siri ini digambar di lokasi-lokasi dari Washington ke Malaysia dan dari Vienna ke Mesir melalui Paris dan Vienna.
9.55 SHOGUN
10.45 SOAP
11.15 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 1HB MAC

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 QURAN DAN MARI KITA
BERDOA
4.28 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE LEGEND OF KING ARTHUR
5.30 HANS CHRISTIAN ANDERSEN :
"Thumbelina" Pt. I
6.00 BERITA AWAL
6.05 NOVA DOCUMENTARY :
6.38 AZAN MAGHRIB
6.48 NOVA DOCUMENTARY
sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA
INGGERIS
7.15 THE FALL GUY :
"Three For The Road"
7.48 AZAN ISHA
7.53 THE FALL GUY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 ARENA SUKAN "Brunei Lwn Perak"
9.20 DYNASTY
10.20 TAYANGAN GAMBAR :
"Rumpole's Return" (Drama)
Rumpole bosan dengan kehidupan persaraan di rumah anaknya di Florida. Pada kesempatannya yang pertama dia pulang ke London. Apakah yang dibuatnya sesudah sampai di sana? sama-samalah kita saksikan tayangannya malam ini.
11.55 SIARAN TAMAT.

Radio minggu ini:

UJILAH BAHASA AWDA



UJILAH BAHASA KITA

Pada hari JUMAAT 25hb. Februari awda pelajar akan berpeluang mengikuti pertandingan bagi bahagian Menengah Atas di mana SEKOLAH MENENGAH SMJA akan bertemu dengan SEKOLAH INGERIS SUFRI BOLKIAH, TUTONG. Siarannya pukul 9.00 pagi.

Manakala pada hari AHAD 27hb. Februari, disiarkan pula pertandingan bahagian Menengah Bawah iaitu antara SEKOLAH INGERIS PERDANA WAZIR bertemu dengan SEKOLAH INGERIS BERAKAS. Ikutlah siarannya pukul 1.30 tengahari.

BATTLE OF WORDS

UPPER SECONDARY —

MMPSBS/SCIENCE SCHOOL

vs

ST. MICHAEL'S SCHOOL

(Friday 25th. February) at 11.00 a.m

LOWER SECONDARY —

MMPSBS/SCIENCE SCHOOL

vs

ST. MICHAEL'S SCHOOL

(Sunday 27th. February) at 11.00 a.m

MENCARI orang-orang berbakat memang susah. Demikian dirasakan oleh orang-orang yang bertanggungjawab dalam mencari seseorang yang berbakat dalam lapangan-lapangan yang berkenaan. Dalam lapangan 'bahasa,' terpaksa diadakan beberapa perlawanan seluruh negeri untuk mencari bakal penuturan bahasa yang baik dan teratur. Begitu pun bakat-bakat yang diperolehi perlu diasah lebih dahulu sebelum dapat diketengahkan.

Mencari seorang yang berbakat dalam lapangan kugiran, seni suara atau olahraga, pun diunjar di seluruh negeri melalui pertandingan-pertandingan. Demikian juga halnya dengan mencari orang yang berbakat dalam lapangan 'bahasa'. Namun demikian, bakat-bakat yang didapati itu merupakan sebutir batu berlian yang baru keluar dari lumpur yang perlu mempunyai banyak proses, barulah ia dapat diketengahkan.

Bagaimana memilih orang-orang yang berbakat dalam satu-satu lapangan itu. Ada orang yang berpendapat bakat itu lahir bersama-samanya dari perut ibu. Kalau untuk menjadi harimau sudah nampak belangnya, dan kalau menjadi tikus sudah nampak pula ekornya. Tetapi ada pula orang berkata bahawa bakat seseorang itu dibentuk oleh keadaan hidup alam sekitarnya.

Kerana itu seorang ahli bahasa atau penulis yang lahir dan dibesarkan di rumah batu tidak akan dapat menulis tentang sajaknya hidup manusia yang tinggal di pondok buruk. Ia tidak tahu bagaimana rasa panas berpadu. Dalam pada itu, ada pula orang berkata, bakat itu akan timbul kalau sering diasah seperti pisau yang berasal dari sebatang besi dan kemudian jadi begitu tajam bila selalu diasah-asahkan ke batu.

Dari sini, timbul pula hasrat pihak Radio ingin mengetengahkan sebuah rancangan 'Ujilah Bahasa Kita' atau Battle of Words, salah satu projek yang diselenggarakan bersama oleh Radio Talivisyen Brunei dan Jabatan Pelajaran untuk mencungkil kebolehan penuntut-penuntut sekolah di seluruh negeri mengenai dengan penuturan bahasa.

Radio Talivisyen Brunei dan Jabatan Pelajaran, dua Jabatan Kerajaan yang diamanahkan memikul tanggungjawab kearah ini, untuk meninggikan taraf penuturan bahasa, selaras dengan hasrat kerajaan Duli Yang Maha Mulia yang sentiasa memberi peluang kepada anak-anak tempatan mengikuti berbagai-bagai jurusan menerusi bahasa.

Bagi sebuah badan penyiaran, sudah tentu saja sangat gembira dengan segala inisiatif yang dilaksanakan oleh dua jabatan ini, dalam mendukung cita-cita kemurnian bangsa, kemakmuran negara, kesucian agama, bahasa dan sebagainya. Dalam istilah Radio, inilah yang dikatakan 'material' atau bahan yang disediakan oleh masyarakat. Dan kakitangan serta kepala kakitangan Radio itulah yang akan mengusahakan segala bahan-bahan untuk dijadikan hidangan kepada para pendengar.



Lebih 300 sertai Bintang Kecil Radio

Pertandingan Bintang Kecil Radio '83 telah bermula. Lebih 300 orang peserta seluruh negeri telah mendaftar pada tahun ini. Pihak Bahagian Melayu Radio Talivisyen Brunei berazam, pertandingan tahun ini akan dapat diadakan dengan lebih sempurna lagi di samping mengharap akan munculnya bakat-bakat baru untuk mencungkil sejauh mana kebolehan kanak-kanak dalam lingkungan umur 7 hingga 12 tahun dalam bidang seni suara di tanah air kita.

Seperti biasa, pertandingan ini lebih dulu dijalankan peringkat daerah-daerah, iaitu Daerah Brunei-Muara, Tutong, Belait dan Temburong. Daerah Brunei-Muara telah pun bermula minggu lalu, dan disusuli Daerah Tutong, kemudian Belait dan Temburong.

Berikut inilah tarikh-tarikh pertandingan bagi peringkat Daerah, Separuh akhir dan Peringkat Negeri.

Pemilihan Awal

Daerah Brunei Muara: 13hb. Februari, 18hb. Februari, dan 25hb. Februari di Dewan Raya RTB. Manakala Daerah Tutong: 20hb. Februari, di Dewan Kemasyarakatan Tutong. Daerah Belait: pada 27hb. Februari di Studio Kuala Belait dan Daerah Temburong: pada 4hb. Mac di Dewan Ria Pekan Bangar.

Peringkat Akhir Daerah

Brunei Muara: pada 13hb. Mac, di Studio A RTB. Tutong: 20hb. Mac, di Dewan Kemasyarakatan Tutong. Belait: 27hb. Mac 1983 di Dewan Kemasyarakatan Kuala Belait dan Temburong: 3hb. April di Dewan Ria Pekan Bangar.

Separuh Akhir Senegeri

Seramai 20 orang calon iaitu lapan dari Daerah Brunei Muara, empat orang calon dari Daerah-Daerah Tutong, Belait dan Temburong.

Pemilihan akan diadakan pada hari Ahad 17hb. April 1983 di Studio A Radio Talivisyen Brunei bermula jam 2.00 petang.

Pertandingan Akhir Senegeri

Pertandingan ini akan disiarkan secara langsung melalui Talivisyen Brunei dan Radio di Dewan Raya RTB pada hari Sabtu, 28hb. Mei 1983.



**Dari Pendengar
Untuk Pendengar**

Peserta bagi rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar minggu ini ialah Dyg. Latifah bte Anuar beralamat F-4 A, Jalan Chempaka, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Dayang Latifah akan memilih enam buah lagu kegemarannya yang akan kedua pada hari Isnin 28hb. Februari jam 1.30 petang.

Rancangan Rancangan RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

SIARAN F.M. STEREO

92.3 MHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 MHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

TIAP-TIAP HARI:

PAGI:

6.00-6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Sinaran Wahyu
6.15 Dendang Suria
6.45 Berita
6.50 Dendang Suria
7.05 Panduan Sukan
8.15 Intisari Rancangan

TENGAHARI

12.00-12.45 Sajjan Tengahari (Mempersembahkan lagu stereo)
12.15 Mutiara Titah
1.00 Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Khamis)

PETANG

5.45 Brunei Dalam Sejarah
6.00 Siri Mukaddam
Bingkisan Hari Ini
Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib.

MALAM

10.15 Bacaan Al-Quran
10.24 Do'a Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan

WARTA BERITA:

6.45 pagi (Berita-berita dalam dan luar negeri)
8.00 pagi
10.00 pagi
12.45 tengahari
1.30 tengahari (tiap-tiap hari Jumaat)
3.00 petang
5.30 petang
8.00 malam
8.15 malam (Berita-berita dalam Bahasa Dusun dan Iban)
9.30 malam Berita Dunia dari BBC London.

Menyiarkan AZAN:

Dzohor, Asar, Maghrib dan Isha.

HARI RABU 23HB FEBRUARI

7.15 — Sudut Pelita, 7.50 — Khidmat, 8.30 — Taman Mekar (SU), 9.00 — Ang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pen-
10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15
mbaran Dari Awda, 11.30 — Dendang
Djohan.

ARI: 12.20 — Mutiara Titah, 1.30 —
an Paduan Suara.

ANG: 2.00 — Dunia Wanita (SU),
— Citra Irama, 3.15 — Hiburan Petang,
— Titian Budaya (SU), 4.00 — Serba-
Hiburan (SU), 4.30 — Bangsawan Di
a (Ratu Kencana Wungu siri 1), 5.00 — Un-
awda, 5.45 — Senandung Senja, 6.15
ngkisan Hari Ini.

AM: 7.00 — Belia Mewakili Zamannya,
— Majalah Radio, 8.30 — Permintaan
ramai, 9.00 — Menyusur Pendalaman
9.45 — Senandung Budaya, 10.00 —
idung Malam.

HARI KHAMIS 24HB FEBRUARI

GI: 8.30 — Pertanian, 9.00 — Dendang
arabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15
nglipur Lara, 10.30 — Hiburan Untuk
adek (SU), 11.00 — Permintaan Suka-
ai.

HARI: 12.15 — Mutiara Titah, 1.30 —
asari/Keroncong.

ANG: 2.00 — Citrawara (SU), 2.30 —
amu Radio (SU), 3.15 — Hiburan Petang
— Majalah Ugama/Soal Jawab Ugama,
— Irama Gambus/Asli, 4.15 — Sandiwa-
Radio (SU), 4.45 — Senandung Budaya,
— Untuk Awda (Hidangan Lagu-lagu Dak-
), 5.45 — Lagu-lagu Nasihat, 6.15 —
ngkisan Hari Ini.

LAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin,
— Selingan Irama, 7.30 — Majalah Ra-
8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 —
sir Al-Quran, 9.45 — Lagu-lagi Asli.

HARI JUMAAT 25HB FEBRUARI

GI: 7.30 — Khidmat Radio, 7.50 — Future
nt, 8.25 — Panduan Wanita, 9.00 — Ujilah
asa kita, 9.30 — Dunia Wanita, 10.15 — Soal-
Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran, 11.00
Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran
(SU).

HARI: 12.00 — Lagu-Lagu Dakwah,
15 — Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran,
30 — Siaran Langsung Menunaikan Sem-
yang Fardu Jumaat, 1.15 — Lagu-Lagu
syid, 1.45 — Lagu-Lagu Instrumental Me-
l.

FANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat,
0 — Gema Keroncong/Puspapama, 3.15 —
nduan Sukan, 3.30 — Pelajaran Dewasa Di
ara, 4.00 — Hiburan, 4.15 — Dialog Se-
(SU), 4.30 — Permintaan Jiran Tetang-
5.00 — Suntingan Kutbah Jumaat, 5.15 —
andung Lagu-Lagu Lama, 5.45 — Sayu dan
rdu, 6.15 — Bingkisan Hari Ini (SU).

ALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan,
0 — Majalah Radio, 8.30 — Pilihan Pen-
ngar, 9.00 — Soal Jawab Ugama/Majalah
rama (SU), 9.45 — Mari Berpantun (SU).

HARI SABTU 26HB FEBRUARI

PAGI: 8.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara
(SU), 9.00 — Riang Ria, 9.15 — Soalan Di Uda-
ra (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 —
— Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampai Sari,
11.30 — Hiburan Untuk Adek-adek.

T/HARI: 12.15 — Mutiara Titah, 1.30 —
Lagu-Lagu Dari Filem 1.45 — Dialog Semasa,
PETANG: 2.00 — Permintaan Hujung
Minggu, 3.15 — Hiburan, 3.30 — Cerpen
Dan Salukan (SU), 4.00 — Mingguan Pela-
jar (SU), 4.15 — Selingan, 4.30 — Mutiara
Asli, 5.00 — Untuk Awda, 5.45 — Kuliah
Agama, 6.15 — Bingkisan Hari Ini.

MALAM: 7.00 — Surat Dari London,
7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Hiburan Ma-
lam, 8.30 — Citra Irama (SU), 9.00 — Bang-
sawan Di Udara (SU), 9.45 — Usaha Jaya.

HARI AHAD 27HB FEBRUARI

PAGI: 8.20 — Panduan Kesihatan, 9.00 — Ta-
man Mekar, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 —
Pilihan Juruhebah, 10.30 — Balai Drama,
11.00 — Kugiran Tanah Air, 11.30 — Berbalas
Pantun.

T/HARI: 12.00 — Tahniah Dan Ucapan
Selamat, 1.30 — Ujilah Bahasa Kita,
PETANG: 2.00 — Serbanika Hiburan,
2.30 — Pesta Pop Minggu Ini, 3.15 — Pan-
duan Sukan, 3.20 — Irama Gembira, 3.30 —
Majalah Sukan, 4.00 — Senandung Pujaan
Lama, 4.30 — Citrawara, 5.00 — Tetamu
Radio, 5.45 — Hiburan Senja, 6.15 — Bingkisan
Hari Ini.

MALAM: 7.00 — Seni Dan Sastera, 8.15 —
Hiburan Malam, 8.30 — Suara Parajurit, 9.00
— Keroncong / Puspasari (SU), 9.45 — Di
Buang Sayang (Permintaan Lagu-Lagu Lama).

HARI ISNIN 28HB FEBRUARI

PAGI: 7.45 — Mutiara Titah, 8.30 — Me-
nyusur Pendalaman, 9.00 — Wanita Dan La-
gu, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Ber-
dendang Dengan Ku, 10.30 — Permintaan Su-
karamai, 11.30 — Pertanian.

T/HARI: Mutiara Titah, 1.30 — Dari Pen-
dengar Untuk Pendengar.

PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat
(SU), 2.30 — Mari Berpantun (SU), 3.15 —
Pilihan Juruhebah, 3.30 — Mingguan Pelajar,
4.00 — Titian Budaya (SU), 4.15 — Dendang
Remaja, 4.30 — Ruangan Ketani, 4.45 — Ram-
paian Joget, 5.00 — Belia Mewakili Zamannya,

5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Kuliah Ugama
(SU), 6.15 — Bingkisan Hari Ini.

MALAM: 7.00 — Majalah Sukan (SU),
8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Sains Dan
Perusahaan, 9.00 — Lagu-Lagu Keroncong,
9.45 — Ku Tujukan Lagu.

HARI SELASA 1HB MAC

PAGI: 8.25 — Panduan Wanita, 8.30 —
Suara Perajurit (SU), 9.00 — Dendang An-
tarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15
— Lagu-lagu Berirama Dangdut, 10.30 —
Rampai London, 10.45 — Lagu-lagu Per-
mintaan Kaum Wanita, 11.15 — Dari Lam-
baran Awda, 11.30 — Senandung Seloka.

T/HARI: 12.15 — Mutiara Titah, 1.30 —
Senandung Pujaan Lama (SU).

PETANG: 2.00 — Ku Sampaikan Salam,
3.15 — Gema Silam, 3.30 — Usaha Jaya,
4.00 — Gema Keroncong/Puspapama, 4.30 —
Seni Dan Sastera, 5.00 — Varia Peristiwa, 5.15
— Untuk Awda, 5.45 — Hiburan Senja,
6.15 — Bingkisan Hari Ini.

MALAM: 7.00 — Ruangan Ketani (SU),
7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan
Sukaramai, 9.00 — Kugiran Tanah Air (SU),
9.45 — Senandung Malam.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING

Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

P.M.

8.00-9.30 Classical music night
With Rory Higgins

Thursday

P.M.

8.00 Hello Tomorrow
8.45 Stereo Pop Special:
"Bad Manners" Side 1.
9.30 Country Club.

Fridays/Holidays

A.M.

11.00 Battle of Words (upper
Secondary)
11.30 Children's half hour

NOON

12.00 Yesterday Once More

P.M.

12.45 Neil Richardson
Presents — 8/12
1.45 Book Club: Fellow Towns-
men — 3/5

P.M.

8.00 The World of Books.
8.45 International Money
Programme.
9.00 Perspective
9.30 Jim Reeves and His Music
5/7 (Side 1 of 2)

Saturday

P.M.

8.00 Melody Time.
8.45 Animal, Vegetable or
Mineral — 26/30.
9.30 Top of The Pops — 951

Sunday

A.M.

11.00 Battle of Words (Lower)
11.30 Practical World
11.45 London This Week

NOON

12.00 Animal, Vegetable or Mineral
26 (repeat).

P.M.

12.45 Review of the Week
1.00 Top of The Tops — 951
(repeat)
1.30 Close Down.

STUDENT NIGHT

P.M.

8.00 Do You Know . . . ?
(Science Made Easy)
"Volcanoes".
8.15 Beautiful Music — 13/48.
8.30 English Examined
8.45 BBC Science Magazine
9.30 Drama: The Hornblower
Story: "The Mutiny".

by C.S. Forester adapted
for radio by Gielgud —
1/5.

Monday

P.M.

8.00 Profile: Sheena Easton (Side
2 of 2) (repeat).
8.45 Up The Belait River with-
out A Paddle — 84 with
guest this week's Keith
Grantham.
9.30 All That Jazz — 35.

Tuesday

JA'AFAR'S POP MUSIC NIGHT

P.M.

8.00 Just For You
9.30 In Sentimental Mood — 30.


Daily

A.M.

6.32 Quran and It's translation
6.40 Brunei's Am
7.00 BBC and Local News
7.15 Brunei's A.M.
11.00 Ladies At Eleven — except
Fridays and Sundays
12.00 Lunch Break — except Fri-
days and Sundays
12.30 News and weather report —
and tide table and Today In
History of Brunei.

P.M.

8.30 Radio Newsreel (except
Sundays)
9.15 News



Kerja-kerja pembinaan bangunan Jabatan Hal-Ehwal Ugama, Temburong sedang pesat dilaksanakan. Bangunan ini dibina berdekatan dengan Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar (atas).

Jambatan Sg. Senukoh ini sedikit masa lagi akan berubah daripada jambatan kayu menjadi konkrit. Pembinaannya adalah disesuaikan dengan rancangan jalanraya penghubung (trunk road) yang akan menghubungkan tiga wilayah Borneo kerana jambatan ini adalah sebahagian daripada rancangan tersebut.

Ini ialah sebahagian daripada tiang-tiang letrik yang kini sedang didirikan sepanjang Jalan Labu. Bekalan letrik akan dinikmati oleh penduduk-penduduk berkenaan menjelang pertengahan tahun ini (kanan).



Ini ialah kawasan peng
menanam balak (failing)


Bangunan flat juga terd
yang dibina di Bangar

DAK

Oleh:
Gambar




Februari, 1983.



ang baru bagi Daerah Temburong. Kerja-kerja
(atas).

ialah perumahan bagi pegawai-pegawai AMDB



DAERAH TEMBURONG RANCAK MEMBANGUN

BAKAIMANA ran-
cakan pembangunan
daerah-daerah lain di
ini, Temburong
rancak membangun.
emi satu projek baru
sanakan selaras
n kehendak masa
keperluan masyarakat
burong khasnya dan
era amnya. Ini seten-
ya memesatkan lagi
mbangunan Daerah
mburong dari segi
kainya.

aman daerah ini mula
nampakkan pem-
gunannya yang pesat
sekitar akhir tahun
dan awal tahun 70an.
ncangan-Rancangan
majuan Negara (RKN)
g disusun dengan rapi
teratur oleh Kerajaan
awah DYMM telah
mbawa perubahan
ada daerah ini. In-
struktur terpenting
am RKN 1969-1974
g telah dilaksanakan
kerajaan ialah pembi-
n jalan raya bertaraf
mary' sejauh 42 batu.
aik-baik sahaja jalan
a ini siap dibina.
ah Pekan baru telah
uka. Ianya dikenali
agai Pekan Bangar
u, yang dihubungkan
n sebuah jambatan
krit dengan Pekan
gar Lama.

awasan Pekan Bangar
u ini dulunya adalah
asan hutan belukar
pulau buah-buahan
pi hari ini keadaannya
h berubah menjadi
yasan perumahan

pegawai-pegawai dan
kakitangan kerajaan dan
bangunan sementara
pejabat-pejabat kerajaan.
Sedikit masa lagi kawasan
ini akan terus berubah
apabila projek-projek
kerajaan dalam RKN
1980-1984 dapat
dilaksanakan.

Projek terbaru kerajaan
yang kini sedang pesat
dalam perlaksanaannya
ialah pembinaan-
bangunan baru Jabatan
Hal Ehwal Ugama. Ianya
menelan belanja kira-kira
\$1.24 juta dibina
berdekatan dengan Masjid
Utama Mohammad Salleh
dan dijangka siap men-
jelang pertengahan tahun
1983 ini.

Pembinaan perumahan
bagi pegawai-pegawai dan
kakitangan jabatan
tersebut pula telah pun
bermula sejak bulan
Oktober tahun lalu dengan
perbelanjaan \$2.646 juta.
Projek ini diselenggarakan
oleh seorang pemborong
tempat Syarikat Haji
Metussin dan Anak-Anak.

Kerja-kerja menanam
balak (failing) bagi projek
Rumah Sakit baru yang
terletak sebelah kiri menu-
ju ke Jalan Labu sudah
dimulakan. Ianya dibina
atas tapak seluas 6.02 ekar
dengan perbelanjaan kira-
kira \$15 juta. Rumah Sakit
ini apabila siap nanti
mempunyai 50 buah katil
serta dilengkapi dengan
kemudahan-kemudahan
perubahan yang diperlu-
kan.

Sepanjang menuju ke
Jalan Labu bermula dari
Batu 2 hingga ke Batu 10,
kerja-kerja mendirikan
tiang-tiang letrik sebanyak
350 batang kini hampir
selesai dan pemasangan
kabel-kabel dijangka akan
dapat dilaksanakan sedikit
masa lagi. Bekalan
tersebut akan mula
dinikmati menjelang
pertengahan tahun ini.
Rancangan menyalurkan
bekalan tersebut kejalan-
jalan kecil juga akan
dilakukan dengan 'low ten-
sions' menggunakan 'over-
head'.

Rancangan membesar-
kan bekalan tersebut dari
yang ada sekarang kepada
1MW akan mula berjalan
menjelang akhir bulan
Januari ini di mana sebuah
Janakuasa baru akan
dibina di Kampung Bel-
ingos, kira-kira tiga batu
dari Pekan Bangar.
Di samping akan mem-
nuhi keperluan-keperluan
untuk seluruh Daerah
Temburong, ianya juga
membekalkan bagi ke-
gunaan industri-industri
perusahaan.

Sementara kerja-kerja
pengukuran jambatan
konkrit menyeberangi
Sungai Meranggang sudah
pun berjalan sekarang.
'Central Development'
akan mengendalikan pem-
binaan jambatan tersebut.
Jambatan yang menghu-
bungkan Kampung-
Kampung Senukoh dan
Piasau-Piasau dengan

Pekan Bangar ini adalah
termasuk dalam Ran-
cangan Kemajuan Negara
1980-1984. Rekaben-
tuknya disesuaikan dengan
rancangan pembinaan
jalan raya penghubung
(trunk road) yang
menghubungkan tiga
wilayah (Brunei, Sabah
dan Sarawak).

Jambatan yang terdapat
sekarang hanyalah jam-
batan kayu di mana
kendaraan berat melebihi
tiga tan tidak dapat meng-
gunakannya kerana
'kekuatan' jambatan itu

tidak mencukupi.

Lain-lain projek RKN
1980-1984 yang masih
dalam proses termasuklah
pembinaan bangunan
pejabat-pejabat kerajaan,
perumahan Pegawai
Daerah dan rangkaian
perumahan pegawai-
pegawai dan kakitangan
kerajaan, kompleks sukan,
sekolah menengah serta
rumah-rumah pangsa
guru-guru. Ada di antara
projek-projek ini telahpun
dikeluarkan tendernya,
dan setengahnya sedang
mencari tapak yang sesuai
untuk sesuatu projek itu.

Satu projek yang bukan
termasuk dalam ran-
cangan kerajaan tetapi
ianya merupakan salah
satu perkembangan
Daerah Temburong yang
dianggap penting yang
diusahakan atas inisiatif
penduduk-penduduknya
sendiri ialah pembinaan
stesyen minyak (petrol sta-
tion) baru bagi menggan-
tikan stesyen minyak yang
ada sekarang terletak di
tebing Sungai Temburong.
Stesyen baru itu akan
diusahakan oleh Syarikat
Minyak Melayu Tem-
burong.



Bangunan tambahan Sekolah Ugama ini ialah sebahagian daripada projek
kerajaan yang telah dilaksanakan pada tahun lalu. Projek ini menelan belanja
lebih \$90 ribu.

KENYATAAN2 DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI — KENYATAAN TAWARAN

BIL. 30 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Brunei oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan sehingga jam 12.00 tengahari pada 28hb Februari, 1983 bagi kerja-kerja yang berikut:—

KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA KOMPLEKS M.M.P.S.B.S./SEKOLAH SAINS DI BATU 5, JALAN MUARA, BRUNEI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan, Brunei.

BIL. 31 TAHUN 1983

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Brunei oleh Lembaga Tawaran yang beralamat di Bangunan Setiausaha Kerajaan sehingga jam 12.00 tengahari pada 28hb Februari, 1983 bagi kerja-kerja yang berikut:—

KERJA-KERJA MEMBAIKI AM DAN MENCAT SEMULA PEJABAT, BAREK DAN LAIN-LAIN BANGUNAN DI KEM TAHANAN, JALAN BERAHAS, BRUNEI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Sebagai Penyelenggara Setor Tingkat III

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa dari calon-calon yang terdiri dari rakyat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei untuk dilantik sebagai PENYELENGGARA SETOR TINGKAT III di Pejabat Setiausaha Kerajaan, Brunei. Gaji: E.1-2.3 E.B.4—\$410-\$700 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 antara 25 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Tingkatan III atau yang sebanding dengannya.

b) Calon-calon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas tetapi mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja Penyelenggara Setor boleh juga dipertimbangkan.

Seseorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah mengahantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

